

BAB KETIGA

SISTEM KESULTANAN MELAYU MELAKA

3.1. MUKADIMAH

Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka telah wujud pada penghujung abad ke-15M hingga abad ke-16M. Ia merupakan satu sistem yang unik untuk dikaji walaupun telah berlalu lebih kurang lima ratus (500) tahun yang lampau. Keunikannya tertumpu kepada struktur dan susunan sistem pentadbiran yang masih lagi diamalkan oleh sebahagian negeri-negeri di Semenanjung Malaysia hingga ke hari ini. Organisasi pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka telah disusun akibat dari bertambahnya kuantiti masyarakat dan wujudnya kehidupan kemasyarakatan yang tersusun.¹ Akibat dari kepadatan penduduk dan peningkatan taraf kehidupan masyarakatnya, maka ia memerlukan sebuah sistem pentadbiran yang lebih teratur agar kehidupan masyarakat dapat dikawal selia dengan lebih mudah serta tersusun.

Pemerintah Melaka telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah sistem yang teratur bagi melicinkan lagi jentera pentadbirannya. Tambahan pula, Melaka pada waktu itu merupakan satu kuasa besar (di Nusantara) yang mempunyai empayarnya yang luas. Kebanyakan ahli-ahli pensejarahan bersetuju menyatakan bahawa susur-galur sistem pemerintahan ini adalah bayangan dari sistem pemerintahan yang telah diamalkan oleh pemerintah terakhir Kerajaan Sailendra (Palembang) dan Kerajaan Temasik pada

¹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 136.

penghujung abad ke-14M. Ini kerana Parameswara² (Iskandar Syah) yang menjadi pengasas Kerajaan Melayu Melaka juga merupakan pemerintah bagi kedua-dua kerajaan itu (Sailendra dan Temasik) sebelumnya. Ia jelas menunjukkan bahawa terdapat kesinambungan tradisi politik yang berterusan bagi ketiga-tiga kerajaan tersebut.

Walaupun Parameswara dikatakan penyambung kepada tradisi sistem pemerintahan Kerajaan Sailendra (Palembang) dan Kerajaan Temasik (Singapura), penulis percaya apabila baginda membuka Melaka dan memeluk agama Islam,³ perjalanan hidup sebagai pemerintah Muslim sudah tentu dapat diterapkan ke dalam sistem pemerintahannya. Oleh itu, Parameswara sudah tentu secara tidak langsung akan mengubah sistem pemerintahan baginda yang sebelumnya berasaskan ajaran Hindu-Buddha kepada sebuah sistem yang lebih berunsurkan Islam.

3.2. SEJARAH PENUBUHAN MELAKA

Melaka telah diasaskan oleh Parameswara sekitar tahun 1390M-1404M,⁴ setelah melarikan diri dari Temasik (Singapura) kerana serangan orang-orang

²Ibid, hal. 137-138. Lihat juga Walters O.W., **Kejatuhan Srivijaya Dalam Sejarah Melayu**, terj. Toh Kim Hui dan Ranjit Kaur Khaira, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hal. 122.

³Buyong Adil mengatakan pemerintah Melaka yang pertama memeluk Islam ialah Parameswara. Setelah memeluk Islam, baginda telah menukar nama kepada Iskandar Syah. Lihat Hj. Buyong Hj Adil, **Sejarah Singapura**, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hal. 46. Lihat juga Walters, O.W., op. cit., hal. 122.

⁴Tarikh sebenar pembukaan Melaka masih lagi menjadi perbahasan para sarjana sehingga kini.

Jawa.⁵ Dari Temasik, baginda melarikan diri ke Muar kemudian ke Sungai Ujung, seterusnya ke Bertam dan akhirnya sampai di Melaka.⁶ Menurut D.G.E Hall,⁷

“...Pembuka bandar Melaka itu namanya yang bermakna ‘Suami Permaisuri’ adalah suami kepada seorang putri Majapahit. Mengikut sejarah lisan Sumatera dia adalah seorang putera Raja Sailendra dari Pelembang. Sewaktu berlakunya perang pemisahan di antara Virabumi dari Jawa Timur dengan Raja Vikramavardhana dari Majapahit pada tahun 1401M, dia (Suami Permaisuri) telah melarikan diri ke Tumasik (Singapura) yang pada masa itu di bawah seorang pembesar yang mempunyai taat setia kepada Siam. Parameswara membunuh pembesar itu dan merampas bandar Tumasik. Pada tahun 1402M dia telah dihalau keluar oleh Raja Pahang atau Petani yang taat setia kepada Siam dan mengikut catatan adalah adik beradik dengan pembesar yang dibunuh oleh Parameswara. Selepas mengembara beberapa lama dia menetap di Melaka yang pada masa itu adalah sebuah kampung kecil yang didiami oleh lanun-lanun dan nelayan-nelayan. Nama yang serupa (Melaka) juga terdapat dalam satu sumber Siam kira-kira pada tahun 1306M...”

Tome Pires yang singgah di Melaka antara tahun 1512-1515M telah menceritakan dengan panjang lebar mengenai Melaka dalam bukunya *The Suma Oriental*. Catatan Pires dikatakan tidak terdapat di dalam sumber-sumber pencejarahan Melaka yang lain. Beliau mengatakan Paramejeura (Parameswara)

⁵A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 70. Ada juga ahli sejarah yang mengatakan Parameswara melarikan diri dari Temasik kerana serangan kerajaan Siam. Lihat juga Buyong Adil, op. cit., hal. 51. Lihat juga Walters, O.W., op cit., hal. 129-130.

⁶A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 70-71.

⁷D.G.E. Hal, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hal. 256.

sampai ke Melaka kira-kira pada tahun 1400M.⁸ Pendapat yang sama juga boleh diperolehi dalam buku *The Commentaries* karangan anak lelaki de Albuquerque⁹ pada tahun 1557M.¹⁰

Froncois Valentijn seorang penulis Belanda yang juga seorang misionari Kristian telah menyatakan Melaka telah dibuka antara tahun 1252M-1253M. Akan tetapi, Paul Wheatly menyatakan Melaka telah dibuka pada tahun 1370M¹¹. Manakala O.W. Walters pula berpendapat, Melaka telah dibuka oleh Parameswara pada tahun 1400¹². Menurut Catatan Dinasti Ming (1368M-1643M) menceritakan semasa Laksamana Yin Qing (Ching) datang ke Melaka pada tahun 1403M. Beliau menulis;¹³

“...tidak ada raja di negeri itu dan ia tidak dinamakan kerajaan tetapi dipunyai oleh Siam...ketuanya bernama Pai-li-su-ra...”

⁸ Armando Contesao, *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, 1944, vol. II, hal. 233-234.

⁹ Beliau adalah anak lelaki Alfonso de Albuquerque yang juga bernama Alfonso de Albuquerque. Beliau banyak menghabiskan masanya menyusun Comentarios. Lihat T.F. Earle dan John Villiers, *Albuquerque Ceasar Timur; teks-teks pilihan Alfonso de Albuquerque dan anaknya*, terj., Kuala Lumpur; Universiti Malaya, 1995, hal 1. Nama ini bertentangan dengan nama yang telah dikemukakan oleh Muhammad Yusuff Hashim yang mengatakan anak Alfonso de Albuquerque bernama Braz Alfonso de Albuquerque yang telah menulis *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India*. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., hal. xxvi.

¹⁰ Armando Corteaso, op. cit., hal. 233-234.

¹¹ Paul Wheatly, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur; Pustaka Ilmu, 1961, hal. 306-307.

¹² O.W. Walters, op. cit., hal. 170.

¹³ Wang Gungwu, “The First Three Rules of Malacca” dalam *Journal of Malayan Branch of The Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 1968, XLI, hal. 11-22.

Setelah memetik tarikh pembukaan Melaka dari tiga sumber utama pada zaman tersebut¹⁴ maka dapatlah dirumuskan bahawa negeri Melaka telah dibuka di antara tahun 1390M hingga tahun 1404M. Memandangkan terdapat banyak perselisihan para sarjana yang mengkaji Sejarah Melaka, penulis berpendapat tarikh sebenar penubuhan Kesultanan Melayu Melaka masih lagi mempunyai ruang untuk diperbahaskan kerana penentuan sebenar tarikh Melaka dibuka adalah berpandukan kepada bukti-bukti baru yang ditemui. Namun secara peribadi penulis sepandapat dengan Pires dan de Albuquerque bahawa Melaka telah dibuka pada kira-kira 1400M.

3.3. RAJA DAN SULTAN MELAKA

Para sarjana sejarah Melaka berselisih pendapat dalam menentukan raja dan sultan Kesultanan Melayu Melaka. Percanggahannya tertumpu kepada tiga sultan pertama yang memerintah Melaka. Ia wujud ekoran terlalu banyak sumber yang mempunyai hipotesis tersendiri di dalam menentukan pemerintah Melaka berdasarkan analisis yang telah mereka lakukan. Masing-masing mempunyai alasan untuk mempertahankan hujah mereka.

Muhammad Yusoff Hashim¹⁵ yang menganalisis pendapat-pendapat ahli sejarah Melaka sebelumnya telah merumuskan, raja dan sultan yang memerintah Melaka adalah seramai sembilan orang. Hasil dari penyelidikan yang telah dibuat,

¹⁴ Sumber-sumber terdiri dari sumber tempatan, China dan Barat.

beliau menyatakan raja yang pertama membuka Melaka ialah Sultan Iskandar Shah¹⁶ (1390M-1414M). Apabila baginda mangkat, baginda telah diganti oleh Megat Iskandar Shah.¹⁷ Seterusnya kuasa pemerintahan beralih kepada Seri Maharaja 1424M-1444M. Baginda telah memeluk Islam dan memakai gelaran Sultan Muhammad Shah. Apabila Sultan Muhammad Shah mangkat, baginda digantikan oleh Parameswara Dewa Shah 1444/5M-1446M yang ketika itu masih lagi keanak-anakan. Baginda memakai gelaran Sultan Abd. Syahid. Oleh kerana umur baginda ketika itu terlalu muda untuk memerintah, maka keseluruhan struktur pentadbiran telah dipangku dan dilaksanakan oleh Raja Rekan.¹⁸

Sultan Abu Shahid tidak lama menduduki takhta kerana kuasa pemerintahannya telah dirampas oleh Raja Kasim yang juga merupakan saudara tiri kepada Sultan Abu Shahid (1446M-1456M). Baginda menaiki takhta kerajaan dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah dan memerintah selama sepuluh tahun. Setelah Sultan Muzafer Shah mangkat, baginda digantikan oleh Raja Abdullah (1456M-1477M) dengan gelaran Sultan Mansur Shah. Baginda memerintah dengan adil dan saksama. Apabila baginda mangkat, takhta kerajaan Melaka telah digantikan oleh anaknya Raja Hussain (1477M-1488M) dengan gelaran

¹⁵ Muhammad Yusoff Hashim, "Sultan-Sultan Melaka; satu tinjauan semula" dalam **Melaka dan Sejarahnya**, Khoo Kay Kim (ed.), Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Melaka, t.t., hal. 10-11.

¹⁶ Sultan Iskandar Shah juga dikenali sebagai Parameswara (O.W. Walters), Pai-li-mi-sula (sumber Yung-lo Shih-lu), Suami Parameswari (D.G.E. Hall) dan Xaquem Darxa (Pires) dan Xaquendarxa (Albuquerque).

¹⁷ Muhammad Yusoff Hashim, Wang Gungwu dan sumber China Yung-lo Shih -lu sependapat menyatakan pemerintah ke-2 Melaka ialah Megat Iskandar Syah.

¹⁸ Raja Rekan adalah bapa saudara sepupu di sebelah ibu Sultan Abu Syahid kerana bonda baginda adalah sepupu dengan Raja Rekan. Lihat Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 63.

Sultan Alauddin Riayat Shah. Baginda merupakan seorang raja yang prihatin terhadap kebajikan rakyatnya sehingga baginda sanggup '*turun padang*' bagi menyiasat kegiatan pencuri yang banyak berlaku ketika itu.

Sebelum mangkat, Sultan Alauddin Riayat Shah telah mewasiatkan Sultan Mahmud Shah (1488M-1511M) untuk menduduki takhta kerajaan Melaka selepasnya. Sultan Mahmud Shah merupakan raja Melaka yang kedua akhir sebelum penaklukan Portugis. Pada tahun 1511M baginda telah menyerahkan kuasa pemerintahan kepada anaknya Sultan Ahmad Shah (1511M-1516M). Pada 25hb Julai 1511M,¹⁹ Melaka telah diserang oleh armada Portugis yang diketuai oleh Alfonso de Albuquerque. Sultan Ahmad Shah telah tewas dalam serangan (8hb Ogos 1511M)²⁰ tersebut lalu berundur ke Hulu Muar dan bertapak di Pagoh. Manakala Sultan Mahmud Shah (mantan Sultan Melaka) pula berundur ke Batu Hampar dan menu buhkan kerajaan baru di sana.²¹

Keseluruhan raja dan sultan Melaka kelihatan mempunyai pertalian kekeluargaan di antara satu sama lain. Dengan itu dapatlah dirumuskan bahawa sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah mengikut sistem warisan keluarga (*monarki*). Si anak akan mewarisi takhta kerajaan apabila bapa

¹⁹ Mohd Dahlan Mansoor, **Pengantar Sejarah Awal Nusantara**, Kuala Lumpur; Dewan bahasa dan Pustaka, 1979, hal. 258.

²⁰ M.A. Rauf, **Sejarah Islam dan Hubungan Yang Khusus dengan Semenanjung Malaysia**, Fajar Bakti Sdn. Bhd., terj. Rustam A. Sani, 1987, hal. 119.

²¹ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 270.

meninggal dunia. Walaupun terdapat kes rampasan kuasa oleh Raja Kasim²² (1446M-1456M) (Sultan Muzaffar Shah) ke atas Raja Raja Ibrahim (1444/5M-1446M) (Sultan Abu Shahid). Namun perampas takhta (Raja Kasim) tersebut masih mempunyai salasilah keturunan diraja.

3.4. ASAL USUL NAMA MELAKA

Menurut buku Melaka; Pengamatan Melalui Lukisan dan Diorama, asal usul nama Melaka telah dimanifestasikan dari peristiwa perburuan Parameswara²³ (Raja Iskandar Shah). Diceritakan pada suatu hari semasa berburu, baginda telah merehatkan diri di bawah sepoohon pokok Melaka sambil memerhatikan telatah seekor pelanduk putih yang telah memerangkatkan anjing-anjing perburuan baginda. Pelanduk itu telah menendang salah seekor daripadanya ke dalam sungai. Parameswara (Iskandar Shah) kagum dengan peristiwa tersebut lalu memutuskan untuk mendirikan kerajaannya di situ dan mengambil nama Melaka sempena nama pokok tempat baginda bersandar sebagai nama kerajaan baginda.²⁴

²²Sultan Muzaffar Shah adalah merupakan saudara tiri kepada Sultan Abu Shahid. Baginda merupakan anakanda Sultan Muhammad Syah hasil perkahwinan baginda dengan Tun Ratna Watie. Manakala Sultan Abu Shahid pula adalah anakanda Sultan Muhammad Syah hasil perkahwinan baginda dengan Puteri Raja Rekan. Ismail Ahmad mengatakan Sultan Muzaffir Shah bukan Sultan Muzaffar Shah. Lihat Ismail Ahmad, *Ulasan Buku Sejarah Melayu untuk HSC*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1978, hal. 23. Lihat juga V.M. Hooker (ed.), *Tuhfat al-Nafis (Sejarah Melayu-Islam)*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hal. 133.

²³Menurut analisis Muhammad Yusoff Hashim, Parameswara dan Iskandar Shah adalah merupakan orang yang sama. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, "Sultan-Sultan Melaka; satu tinjauan semula" dalam *Melaka dan Sejarahnya*, op. cit., hal. 10-11.

Sejarah Melayu²⁵ pula menyatakan, setelah Temasik diserang oleh angkatan Jawa, Raja Iskandar Shah (Parameswara) melarikan diri bersama pengikutnya ke Muar seterusnya ke Sening Ujong.²⁶ Kemudian baginda meneruskan perjalanan menyusuri Sungai Bertam lalu berhenti rehat di bawah sepohon pokok yang rendang. Baginda pun menyuruh pengikutnya pergi berburu. Tiba-tiba kelihatan anjing buruan baginda yang mengejar seekor pelanduk telah ditendang ke dalam sungai. Mengikut adat kepercayaan orang-orang Melayu, fenomena ini melambangkan permulaan suatu pekerjaan yang baik dan akan menghasilkan kejayaan. Oleh sebab itu, Sultan Iskandar Shah (Parameswara) telah menitahkan supaya sebuah negeri dibuka dan menamakannya Melaka mengambil sempena sepohon kayu 'Melaka'.²⁷

...Titah baginda "baik tempat ini dibuat negeri, anjing alah oleh pelanduk, jikalau orangnya betapa 'lagi?'". Maka sembah segala Orang Besar-Besar "benarlah seperti titah Duli Tuanku itu". Maka disuruh baginda menebas kawasan tersebut untuk dibuat negeri. Maka titah baginda "Apa nama kayu itu?". Maka sembah orang "Kayu Melaka namanya". Maka titah Raja Iskandar Shah "Jika demikian Melakalah nama negeri ini..."²⁸

Menurut Tome Pires pula, apabila Parameswara (Iskandar Shah) sampai di Muar, sekumpulan orang-orang Selat telah bertemu dengan baginda dan

²⁴ **Melaka; Pengamatan Melalui Lukisan dan Diorama**, t.p., Perbadanan Muzium Melaka, 1998, hal. 17.

²⁵ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 71. Lihat juga Shellabear, W.G. (ed.), op. cit., hal. 53. Lihat juga Raffles (ed.), op. cit., hal. 119.

²⁶ Edisi Raffles menyatakan tempat ini sebagai Naning Ujung. Lihat Raffles (ed.), Ibid.

²⁷ Rahmat bin Saripan, "Pembukaan Negeri Melaka" dalam **Seminar Sejarah Melaka**, op. cit., hal. 8.

²⁸ Ibid.

meminta baginda supaya menjadi raja mereka di Bertam. Parameswara telah bersetuju dan menyuruh pengikutnya mencari tempat yang sesuai di sekitar Bertam untuk didirikan kerajaan. Setelah pengikutnya menemui tempat yang strategik, Parameswara telah bertitah;

"....kamu semua tahu dalam bahasa kita, seseorang yang melarikan diri disebut 'malayo'. Oleh itu baiklah tempat ini dipanggil Malaqa (Malacca) yang bermaksud 'tempat perlindungan'...."²⁹

De Eredia menyatakan nama Melaka diambil dari nama sejenis pokok "Myrobalans" (pokok Melaka) yang tumbuh di sepanjang Sungai Aerlele (Air Leleh). Sungai ini mengalir dari Buquet China (Bukit China) menyusuri Ujontana (Ujung Tanah) seterusnya ke laut.³⁰ Di dalam bahasa Sanskrit terdapat perkataan Amlaka atau Amalaka yang bermaksud sejenis pokok yang mempunyai buah yang masam rasanya (*sour taste*).³¹ Oleh itu amat alasan ini telah menguatkan lagi bukti yang menyatakan nama Melaka itu berasal dari nama pokok melaka.

Di dalam bahasa Sanksrit juga terdapat perkataan *malayakolam* atau *malakaya* yang bererti negeri bagi orang Melayu.³² Oleh itu sebahagian pengkaji sejarah berpendapat nama Melaka berasal dari perkataan Sanksrit dengan

²⁹ Armando Cortesao (ed.), op. cit., hal. 233-234.

³⁰ E.G. de Eredia, "Discription of Malacca and Meridional India and Cathay", terj. Inggeris oleh J.V. Mills dalam **Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (JMBRAS)**, April 1930, vol III, part I, hal. 16. Lihat juga Sarna Hayes Hoyt, **Old Malacca**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1996, hal. 1.

³¹ Sarna Hayes Hoyt, op. cit., hal. 1.

³² Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adibah Adnan, **Sejarah Islam STPM; India, Nusantara dan China**, Kuala Lumpur; Penerbit ELMEN, 1994, cet ke-4, hal. 282.

alasan bahawa Melaka pada waktu itu dihuni oleh masyarakat Melayu. Ada juga sesetengah ahli sejarah yang lain berpendapat, Melaka telah digelar oleh orang Arab dengan nama Mulukah atau Malakat yang bermaksud tempat perhimpunan segala pedagang.³³ Ada juga yang mengatakan nama Melaka berasal Mulaqah yang bermaksud al-Suq atau pusat perniagaan. Ia merupakan pusat perniagaan yang penting dan menjadi tumpuan saudagar-saudagar China, Arab dan Parsi sebelum ketibaan Parameswara (Iskandar Shah) lagi.³⁴

Nama Melaka juga mungkin berasal dari perkataan Arab iaitu malqa (ملقة) maksud tempat pertemuan³⁵ kerana Melaka pada zaman silam adalah merupakan pusat pertemuan bagi para saudagar dari Timur dan Barat. Golongan ini menjadikan Melaka sebagai pusat pertemuan kerana ia merupakan satu tempat yang strategik untuk menunggu peralihan angin monsun. Saudagar dari Timur khususnya negeri China, Filipina, Farmosa dan lain-lain lagi akan belayar mengikut angin Monsun Timur Laut menuju Melaka. Golongan pedagang dari Timur ini akan menunggu pula angin Monsun Barat Daya untuk kembali ke negeri mereka dengan membawa hasil dagangan yang diperolehi dari Melaka. Manakala saudagar dari Barat khususnya negeri Banggala, Negeri Thai, Koromandel, Burma (Pegu), Gujerat dan sebagainya akan belayar mengikut angin Monsun

³³Ibid.

³⁴Wan Hussein Azmi, "Islam di Malaysia ; Kedatangan dan Perkembangan (abad 7-20M)" dalam **Monograf Islam di Malaysia**, Kuala Lumpur; Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hal. 136-137. Lihat juga Abdul Munim al-Namr, **Sejarah Islam di India**, Kahirah, 1959, hal. 60.

³⁵al-Marbawi, Muhammad Idris Abd Rauf, **Kamus Idris al-Marbawi**, Dar al-Fikr, t.t., hal. 226.

Barat Daya menuju Melaka bagi menjual hasil dagangan mereka dan terpaksa pula menunggu angin Monsun Timur Laut untuk kembali ke negeri mereka.³⁶

Oleh itu, untuk menentukan asal nama Melaka itu adalah sukar kerana setiap kenyataan yang telah diutarakan oleh para sarjana kepada kita mempunyai bukti asas yang kukuh untuk menguatkan hujah mereka. Walau bagaimanapun penulis berkeyakinan mengatakan nama Melaka berasal daripada pokok Melaka dengan dua (2) alasan. Pertama ialah pokok Melaka banyak tumbuh di pesisiran pantai ketika itu dan alasan kedua ialah kesemua naskhah Sejarah Melayu telah menarafikan benda yang sama dengan menyatakan asal usul nama Melaka itu adalah daripada pohon Melaka.

3.5. PENGISLAMAN RAJA MELAKA

Kemunculan Islam di Malaysia berkait rapat dengan tarikh kedatangan Islam ke Melaka dan masih lagi menjadi topik perbahasan di kalangan sarjana yang mengkaji pensejarahan Melaka. Shellabear³⁷ dan A. Samad Ahmad³⁸ mempunyai persamaan pendapat di dalam menyatakan raja pertama Melaka yang memeluk Islam ialah Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Shah) (1424M-1444M) di tangan Syed Abdul Aziz. Akan tetapi mereka tidak pula menyatakan

³⁶ Sarnia Hayes Hoyt, op. cit., hal. 20. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. xli. Lihat juga R.O. Whyte (ed. etc.), "The Ecological Setting" dalam **Melaka the Transformation of a Malay capital c. 1400-1980**, op. cit., hal. 70-71.

³⁷ W.G. Shellabear (ed.), op. cit., hal. 54-55.

³⁸ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 73-74.

tarikh sampainya Islam ke Melaka. Ismail Ahmad yang mengulas perkara ini telah menceritakan bahawa:³⁹

“...Raja Kecil Besar bermimpi bertemu dengan Rasulullah s.a.w. yang mengajamnya dua kalimah syahadat lalu diturutinya dan memberikannya nama Sultan Muhammad. Baginda juga bermimpi bahawa esoknya pada waktu asar akan datang sebuah kapal dari Judah dan akan turun orang-orangnya sembahyang di pantai Melaka, dan meminta Raja Kecil Besar mengikuti akan sebarang katanya. Siangnya, bila bangun dari tidur Raja Kecil Besar dapatti dia telah dikhatakan dalam mimpiinya dan menyebut-nyebut dua kalimat syahadat itu, lalu istana jadi gempar dan Raja Kecil Besar menceritakan mimpiinya kepada Bendahara dengan buktinya baginda telah berkhutan. Pada petang itu waktu asar, datang kapal dari Judah dan dari kapal itu turun Makhdum, Saiyid Abdul Aziz namanya, lalu sembahyang di pantai. Raja menjemput Makhdum ke istana lalu seisi istana masuk Islam. Makhdum menamakan raja Sultan Muhammad Shah...”

Manakala Sejarah Melayu edisi Raffles pula telah menyatakan bahawa raja Melaka yang pertama memeluk Islam ialah Raja Tengah yang juga memakai gelaran Sultan Muhammad Shah. Akan tetapi kronologi cerita raja tersebut bermimpi bertemu Rasulullah s.a.w. adalah sama.⁴⁰ Wan Hussein-Azmi yang mengulas kenyataan Muhammad Yunus Jamil pula mengatakan bahawa Sultan Perlak⁴¹ (1225-1263M) telah mengahwinkan puteri baginda yang pertama bernama Puteri Ratna Kemala dengan Raja Melaka yang bernama Sultan

³⁹ Ismail Ahmad, op. cit., hal. 19-20.

⁴⁰ Raffles (ed.), op. cit., hal. 121-122.

⁴¹ Sultan Makhdum Ala Uddin Malik Muhammad Amin Syah II Johan Berdaulat.

Muhammad Shah.⁴² S.Q. Fatimi yang memetik tulisan Emanuel Godinho de Eredia telah menyatakan;

“...akidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Patani dan Pam di pesisir pantai Timur dan selepas itu barulah diterima dan disebarluaskan oleh Permicuri (Parameswara) di Melaka pada tahun 1411M...”⁴³

Sumber China (*Catatan Ma Huan*) pula mengatakan bahawa Iskandar Shah bersama dengan pengikutnya amat patuh dengan ajaran Islam pada tahun 1413M. Jika berpegang pada kenyataan Ma Huan, ada kemungkinan pemerintah pertama (seperti yang diyakini oleh Profesor Wang Gungwu) yang mangkat pada akhir tahun 1413M atau awal 1414M telah menganut agama Islam dalam usia yang agak lewat.⁴⁴

Sumber Barat seperti Tome Pires dan de Albuquerque mengatakan Iskandar Shah (*Xaquem Darxa oleh Pires dan Xaquendarxa oleh Albuquerque*) merupakan raja Melaka yang pertama memeluk Islam melalui perkahwinan dengan puteri raja Pasai.⁴⁵ Ia sejajar dengan pendapat yang dikemukakan oleh Buyong Adil, Winstedt dan Wolters yang mengatakan raja Melaka yang pertama

⁴² Wan Hussein Azmi, op. cit., hal. 144-145. Lihat juga Muhammad Yunus Jamil, *Silsilah Tawarikh Radja-Radja Kerajaan Atjeh*, bahan stensil, 1968, hal. 8.

⁴³ S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore, Malaya Publishing House Ltd, 1963, hal. 69.

⁴⁴ Gungwu, Wang, “The First Three Rulers of Malacca” dalam *Journal of The Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society (JMBRAS)* Julai 1968, part I, vol XLI, hal. 11. Lihat juga Yahya bin Abu Bakar, “Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya” dalam *Seminar Sejarah Melaka*, Op. Cit., hal. 5-6.

⁴⁵ Ibid., hal. 5-6.

memeluk Islam ialah Parameswara yang kemudiannya menukar nama kepada Iskandar Shah.⁴⁶

Walaupun wujud percanggahan pendapat di kalangan ahli sejarah dalam menentukan raja Melaka yang pertama memeluk Islam, namun ia masih lagi boleh disimpulkan bahawa empat pemerintah pertama Melaka yang mula membawa serta menyebarkan Islam di kalangan rakyat Melaka. Hasilnya, telah mewujudkan satu corak pemerintahan baru bagi Kerajaan Melayu Melaka yang berunsurkan Islam. Dikatakan raja pertama yang mempelopori sistem pentadbiran yang berteraskan Islam ialah Sultan Mahmud Shah (Sultan Muhammad Shah).⁴⁷ Menurut pendapat penulis, raja Melaka yang pertama memeluk Islam ialah Parameswara dengan alasan bahawa nama beliau setelah memeluk Islam adalah Iskandar Syah. Kenyataaan ini adalah berdasarkan kenyataan yang dibuat oleh Profesor Wang Gungwu yang mengatakan bahawa Parameswara dan Iskandar Shah adalah orang yang sama.

Oleh kerana Melaka sebagai satu wilayah kekuasaan yang luas, mengamalkan nilai-nilai Islam serta memiliki sistem pemerintahan yang unik maka selayaknya (pada pandangan penulis) ia dijadikan ukuran perbandingan dengan manusrip *Nasihat al-Muluk* untuk melihat peranan dan aplikasi dalam struktur pemerintahan.

⁴⁶Buyong Adil, op. cit., hal. 46. Walters, O.W. op. cit., hal. 122. Lihat juga Winstedt, R.O., "The Malay Founder of Medieval Malacca" dalam **Bulletin of the School of Oriental and African Studies (BSOAS)**, University of London, 1948, vol 12, no. 3-4, hal. 726-729.

3.6. SISTEM PEMERINTAHAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

Sistem pemerintahan yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka mempunyai struktur pentadbirannya yang tersendiri. Ia mula diamalkan sejak dari tertubuhnya Kerajaan Melayu Melaka (1390M) sehinggalah kejatuhan Empayar Melaka ke tangan Portugis sekitar tahun 1511M. Pemerintah Melaka telah mewujudkan struktur yang khusus bagi para pembesar bertujuan untuk melicinkan jentera pentadbiran kerajaan di samping mengeratkan hubungan persaudaraan di antara mereka. Tambahan pula kebanyakan para pembesar Melaka ketika itu mempunyai hubungan tali persaudaraan yang erat dengan raja atau sultan Melaka.

Menurut Mohd Yusuf Ibrahim, secara umum struktur pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka boleh diklasifikasikan mengikut faktor-faktor tertentu seperti darah keturunan, hubungan kekeluargaan, pangkat dan kedudukan yang disandang, tugas dan kadangkala kekayaan masing-masing.⁴⁸ Golongan pembesar berperanan di dalam mentadbir negara, memajukan ekonomi, menjaga keamanan dan keselamatan, mengutip cukai⁴⁹ dan sebagainya.

⁴⁷ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal 64.

⁴⁸ Mohd. Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya", dalam **Seminar Sejarah Melaka**, op. cit., hal. 21. Lihat juga de Eredia, E.G., **Description of Malacca and Meridional India and Cathay**, op. cit., hal. 39.

⁴⁹ Mohd. Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya" dalam **Seminar Sejarah Melaka**, op. cit., hal. 20.

3.6.1. Hirarki Jawatan Dalam Sistem Pemerintahan

Sistem Kesultanan Melayu Melaka telah mewariskan kepada masyarakat Melayu satu bentuk hierarki perjawatan yang tersusun dan lengkap. Ini menunjukkan, sistem Kesultanan Melayu Melaka adalah sebuah kerajaan yang berperancangan untuk maju pada masa hadapan. Menyentuh tentang hierarki perjawatan ini, Kerajaan Melayu Melaka yang menjadi model sistem pemerintahan negeri-negeri lain telah meletakkan raja atau sultan sebagai pemerintah tertinggi dan berdaulat. Ia kemudiannya diikuti oleh para pembesar negara yang mempunyai hirarkinya yang tersendiri.

Secara keseluruhannya, sarjana pensejarahan Melaka telah bersetuju meletakkan raja sebagai penguasa tertinggi dalam Kerajaan Melayu Melaka. Oleh itu, fokus perbincangan ini akan lebih menumpukan susunan hirarki perjawatan pembesar kerana terdapat percanggahan pendapat di kalangan ahli sejarah dalam menentukan struktur sebenarnya. Tome Pires mengemukakan empat (4) jawatan pembesar yang utama iaitu Bendahara, Laksamana, Temenggung dan Syahbandar.⁵⁰

Ismail Ambia telah memetik analisis susunan pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka yang telah dibuat oleh F.J. Moorhead melalui bukunya '*A History of Malaya and Her Neighbours*' sebagai menyatakan;

"...susunan pemerintahan itu sa-rupa dengan yang terdapat di-negeri2 yang dipengaruhi oleh Hindu seperti Jawa, Kemboja dan Siam. Susunan itu di-dasarkan kepada perpegangan Hindu

⁵⁰ Armando Cortesao, op. cit., hal. 264-265.

terhadap sa-sebuah kerajaan 'seperti gambaran chakrawala2 dan dewa2, iaitu terdapat empat Perdana Menteri (mewakili dewa2 pelindong kapada dewa2 utama); delapan menteri berpangkat tengah, enam belas menteri berpangkat rendah dan tiga puluh dua pegawai2 kecil lain. Di-antara pegawai2 ini pegawai empat di-dalam itu-lah yang paling mustahak, ketuanya ialah Bendahara...sa-orang ahli yang mustahak lagi di-antara Pegawai Empat itu ia-lah Temenggong...ahli yang ketiga ialah Bendahari...dan Laksamana...'⁵¹

Liaw Yock Fang menerusi teks *Undang-Undang Melaka* juga telah menyenaraikan jawatan pembesar Melaka yang terdiri dari jawatan Bendahara, Temenggung, Penghulu Bendahari dan Syahbandar.⁵² Menurut Muhammad Yusoff Hashim, pada peringkat awal penubuhan Melaka (zaman pemerintahan Iskandar Shah dan Megat Iskandar Shah), hanya terdapat tiga (3) sahaja jawatan pembesar Melaka⁵³ iaitu jawatan Bendahara, Perdana Menteri dan Penghulu Bendahari. Golongan ini telah dibantu oleh pembesar-pembesar yang lebih kecil dan rendah tarafnya seperti Bentara, Sida-Sida dan para Biduanda. Kemuncak bagi sistem Kerajaan Melayu Melaka adalah raja.⁵⁴

Oleh kerana berlaku perubahan struktur pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah,⁵⁵ baginda telah

⁵¹ Ismail Ambia, op. cit., hal. 4-6.

⁵² Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 62.

⁵³ Muhamad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 146.

⁵⁴ Ibid., hal. 147. Meletakkan raja atau sultan sebagai kemuncak kepada sistem berkerajaan masih lagi diamalkan di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia seperti Kedah, Perak, Perlis dan sebagainya. Demikian juga halnya yang berlaku di dalam sistem Perlembagaan Malaysia yang meletakkan Yang Di-Pertuan Agung sebagai pemerintah tertinggi negara.

⁵⁵ Pemerintah ketiga Kerajaan Melaka. Dikatakan baginda juga merupakan pemerintah Melaka yang pertama memeluk Islam. Namun ia masih lagi menjadi perbahasan para pengkaji Sejarah Melaka.

menambah tiga lagi jawatan baru dan menyingkirkan jawatan Perdana Menteri dalam pentadbiran Kerajaan Melaka. Jawatan-jawatan baru tersebut ialah jawatan Temenggung, Seri Bija Diraja⁵⁶ dan Laksamana. Sejarah Melayu telah menceritakan:

“...Maka Sultan Muhammad Shah pun mengatur takhta kerajaan baginda....anak cucu menteri yang putut akan jadi Bendahara dan Penghulu Bendahari dan Temenggung...anak cucu hulubalang yang akan dapat jadi Laksamana atau Seri Bija Aldiraja...”⁵⁷

Manakala jawatan Syahbandar pula masih lagi kabur untuk ditentukan kewujudannya. Namun, ia dikatakan wujud selari dengan kemunculan Melaka sebagai pelabuhan perdagangan dan entrepot.⁵⁸ Selain jawatan yang tersebut di atas, terdapat juga jawatan lain seperti Sida-Sida,⁵⁹ Bentara,⁶⁰ Nakhoda, Hulubalang, Kadi dan Fakih, Ceteria⁶¹ serta Mandulika.⁶² Mereka digelar sebagai orang kaya. Pada pandangan penulis, golongan ini adalah merupakan golongan pembesar bawahan yang berperanan melaksanakan arahan dan tugasan yang

⁵⁶ Jawatan Seri Bija Diraja ini masih menjadi perbahasan ahli sejarah khususnya di dalam menentukan pangkat kedudukan sama ada ia sama dengan Laksamana atau pun ia menjadi Timbalan Laksamana. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 128-135.

⁵⁷ Raffles (ed.), op. cit., hal. 123-124.

⁵⁸ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 148.

⁵⁹ Raffles (ed.), op. cit., hal. 123. Sida-sida bermaksud pegawai dalam istana daripada keturunan bangsawan.

⁶⁰ Ibid., hal. 123. Bentara bermaksud pesuruh raja yang menyampaikan titah atau membawa alat kerajan atau pengapit raja.

⁶¹ Ismail Ambia, op. cit., hal. 39. Ceteria bermaksud anak-anak raja atau kesateria atau hulubalang keturunan bangsawan..

diperintahkan oleh raja melalui pembesar kanan seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Untuk lebih memudahkan lagi, Muhammad Yusoff Hashim telah mengkategorikan jawatan pembesar Melaka kepada dua kategori iaitu Lipatan Empat Pembesar Utama diwakili oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Manakala lipatan Lapan Pembesar Utama pula diwakili oleh golongan yang selain daripada yang dinyatakan di atas tetapi ia amat sukar untuk ditentukan kerana tiada sumber yang jelas di dalam menghuraikan hal ini secara khusus.⁶²

Sebagai kesimpulan, terdapat enam (6) jawatan pembesar yang utama bagi Kerajaan Melayu Melaka. Jawatan-jawatan tersebut ialah Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, Laksamana, Seri Bija Diraja dan juga Syahbandar. Walaupun terdapat pertikaian khususnya tentang jawatan Seri Bija Diraja, Laksamana dan juga Syahbandar, namun ia adalah satu percanggahan teknikal dalam menentukan kedudukan susunan jawatan yang dahulu dan yang kemudian.

⁶² Mohd. Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya" dalam **Seminar Sejarah Melaka**, op. cit., hal. 21. Mandulika atau mandalika adalah gelaran atau jawatan kepala daerah atau gabenor.

⁶³ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 151. Struktur ini seakan sama dengan sistem politik tradisional Kedah. Namun struktur kerajaan tradisional Kedah menyatakan Pembesar Empat terdiri daripada Temenggung, Laksamana, Penghulu dan Syahbandar. Lihat Mohammad Isa Othman, op. cit., hal. 4-5.

Hirarki ini penting untuk memperlihatkan peranan dan sumbangsan golongan pemerintah terhadap perkembangan dan kemajuan Empayar Melaka. Mereka adalah jentera utama kerajaan yang bertungkus lumus menjalankan kerja-kerja pentadbiran sehingga dapat meletakkan Kerajaan Melayu Melaka terkenal di seluruh dunia ketika itu. Persoalan yang paling penting bagi penulis ialah susunan hirarki perjawatan tersebut jelas berpandukan sistem pemerintahan Islam. Golongan pemerintah khususnya pembesar boleh dikategorikan sebagai menteri (*wazir*)⁶⁴ seperti yang dinyatakan oleh al-Mawardi di dalam kitabnya *al-Ahkām al-Sultāniyyāh*. Namun pengelasan bagi *wazir Tafwid* pada pandangan penulis hanya akan merujuk kepada Bendahara sahaja dalam kontek pemerintahan Kerajaan Melayu Melayu. Manakala *wazir Tanfidh* lebih tertumpu kepada golongan pembesar yang di bawah kuasa Bendahara seperti Penghulu Bendahari, Temenggong, Laksamana, Syahbandar dan sebagainya. Ia juga selari gambaran yang telah diberikan oleh Allah s.w.t.⁶⁵

—
واعمل لى وزيرا من اهلى هارون اخى اشددبه ازرى واشركه فى امرى

Ertinya: "...Dan jadikanlah untukku seorang wazir (menteri) dari kalangan keluargaku (iaitu) Harun saudaraku. Teguhkanlah dengan dia kekuatanku dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku..."

⁶⁴ Menteri (*wazir*) ialah segolongan menteri yang diserahkan tugasan serta diamanahkan kepada mereka untuk melaksanakan tugas tersebut. al-Mawardi membahagikan jawatan menteri kepada dua (2) bahagian iaitu;

1. Menteri Penyerahan (*Wazir Tafwid*) adalah merupakan ketua menteri yang telah diserahkan kepadanya pentadbiran dalam segala urusan berpandukan pandangan dan ijihadnya oleh ketua negara.
2. Menteri Pelaksanaan (*Wazir Tanfidh*) iaitu menteri-menteri yang tertakluk di bawah arahan Menteri Penyerahan untuk melaksanakan segala tugas yang diberikan oleh Menteri Penyerahan.

Lihat al-Mawardi, op. cit., hal. 35-47.

⁶⁵ Al-Qur'an surah **Taha** ayat 29-31.

3.6.2. Struktur Pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka

Institusi pemerintahan (pentadbiran) Kesultanan Melayu Melaka telah meletakkan taraf raja sebagai pemerintah tertinggi di dalam negeri. Raja atau sultan Melaka kemudiannya telah dibantu oleh para pembesar untuk melaksanakan urusan pemerintahan. Perbincangan bagi institusi pemerintahan ini akan difokuskan kepada raja, golongan pembesar utama seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Seri Bija Diraja, Laksamana dan Syahbandar. Ini tidak bermakna penulis mengabaikan jawatan-jawatan pembesar lain. Ia juga akan dibincangkan mengikut '*prioriti*' serta kepentingan masing-masing.

3.6.2.1. Raja/Sultan

Raja atau sultan telah diletakkan pada singgahsana tertinggi dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Mereka menguasai (secara total) keseluruhan rakyat termasuklah golongan pembesar. Masyarakat Melayu zaman dahulu mempercayai setiap raja yang memerintah mempunyai satu kuasa yang luar biasa (daulat) untuk melaksanakan urusan-urusan pemerintahan. Kuasa luar biasa ini telah memanifestasikan raja sebagai wakil Allah s.w.t. yang diamanahkan untuk mentadbir alam (*zul Allah fi al-'Ālam*).⁶⁶

⁶⁶ Shellabear, W.G. (ed.), op. cit., hal. 141. Lihat juga A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal 190. Lihat juga Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 170. Namun keterangan ini tidak dimuatkan di dalam naskah edisi Raffles.

Zainal Abidin Abdul Wahid berpendapat, raja dan sultan Melaka telah mendapat pengiktirafan yang unggul dan berkuasa sepenuhnya⁶⁷ ke atas rakyat bawahan. Beliau telah mengaitkan kuasa mutlak (*the supreme authority*) yang dimiliki oleh raja dan sultan itu hasil dari sokongan kaum kerabat mereka. Selain itu raja dan sultan Melaka juga dikatakan mendapat '*pengiktirafan*' kerana mereka mempunyai hubungan rapat dengan salasilah Iskandar Dzul Karnain,⁶⁸ Raja Nusyiwan dan Raja Sulaiman. Kesemuanya dikatakan mempunyai empayar yang luas dan menjalankan pemerintahan yang adil ke atas rakyat mereka. Hasil dari nasab keturunan yang mulia, raja dan sultan Melaka dipercayai telah mendapat daulat bagi membolehkan mereka memerintah secara mutlak ke atas rakyat jelata. Hal ini telah dinyatakan di dalam Sejarah Melayu:

*"...bahawa kami dari anak cucu Iskandar Zulqarnain, nasab kami daripada Raja Nusyiwan ...pacar kami daripada Raja Sulaiman..."*⁶⁹

*"...Raja Melaka itu raja besar patutlah akan aku sembah lagipun baginda itu daripada anak cucu Iskandar Zulqarnain..."*⁷⁰

Muhammad Yusoff Hashim juga bersetuju mengatakan raja dan sultan Melaka itu mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas rakyat. Beliau mengiringi kedaulatan yang dimiliki oleh raja dan sultan itu dengan konsep restu⁷¹ yang

⁶⁷ Zainal Abidin Abdul Wahid, "Power and Authority in the Melaka Sultanate; the Tradition View" dalam Melaka; Transformation of Malay Capital Century c. 1400-1980, *op. cit.*, hal. 101.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Raffles (ed.), *op. cit.*, hal. 84.

⁷⁰ Shellabear W.G. (ed.), *op. cit.*, hal. 62.

⁷¹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, *op. cit.*, hal. 152.

berkait rapat dengan sifat fizikal serta spiritual pemerintah tersebut. Beliau juga menyatakan kedaulatan yang direstui akan menjadikan negeri yang diperintah oleh seseorang raja atau sultan akan berada dalam keadaan aman makmur.⁷²

Oleh itu, penulis dapat merumuskan bahawa raja atau sultan yang memerintah Kerajaan Melayu Melaka telah berfungsi sebagai penguasa tertinggi dalam kerajaan. Mereka bertanggungjawab mengurus hal ehwal pemerintahan serta pentadbiran negara. Sebagai pemerintah tertinggi, raja atau sultan Melaka memang sewajarnya memperolehi kedaulatan yang direstui sebagai syarat untuk mendapat penghormatan rakyat. Ketaatan dan penghormatan rakyat kepada raja secara tidak langsung akan mewujudkan keamanan serta keharmonian negara.

3.6.2.1.1. Sifat-Sifat Raja/Sultan

Sifat-sifat sultan merupakan satu topik penting untuk diperkatakan. Ia sebagai landasan bagi kita mengetahui keperibadian seseorang raja. Dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka, tidak banyak perbincangan yang dibuat oleh ahli sejarah tempatan mahu pun sejarawan luar tentang sifat-sifat raja-raja Melaka. Buku Sejarah Melayu yang menjadi sumber rujukan utama pengkaji sejarah Melaka juga tidak menceritakan sifat-sifat raja dan sultan Melaka secara jelas. Gambaran yang diberikan hanyalah dalam bentuk yang agak simbolik. Ia dipersembahkan secara sepantas lalu tanpa kupasan dan perbahasan yang

⁷² Ibid.

terperinci. Walau bagaimanapun, pengkaji⁷³ sejarah Kesultanan Melayu Melaka telah membayangkan beberapa sifat yang ada pada raja atau sultan Melaka. Di antara sifat-sifat tersebut ialah:

3.6.2.1.1.1. Adil

Keadilan merupakan aset yang sangat penting dalam menjana sesbuah pemerintahan. Sejarah Melayu ada menggambarkan sifat adil raja-raja Melaka dalam menjaga kebijakan terhadap rakyat jelata. Antaranya ialah:

“...setelah Raja Tengah berapa lama di atas kerajaan maka baginda pun terlalu adil memeliharaikan segala rakyat...”⁷⁴

“...setelah Sultan Muzaffar Shah kerajaan terlalulah baik fi'l baginda dengan adilnya...pada memeriksai segala rakyat baginda...”⁷⁵

“...Sultan Mansur di atas kerajaan maka terlalulah adil baginda...”⁷⁶

Tome Pires pula mempunyai analisis tersendiri di dalam menggambarkan sifat keadilan sultan-sultan Melaka. Beliau telah membayangkan kepada kita sekurang-kurangnya terdapat tiga (3) orang sultan Melaka yang memiliki sifat yang adil terhadap rakyat. Gambaran yang dipersembahkan oleh Tome Pires dapat penulis nyatakan seperti berikut;

“...and because the said king Xaquem Darxa was a man of justice...”⁷⁷

⁷³ Penulis cuba untuk melibatkan pengkaji internal dan eksternal untuk menyeimbangkan fakta.

⁷⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 120-121.

⁷⁵ Shellabear, W.G., op. cit., hal. 65-66.

⁷⁶ Ibid., hal. 73. Sifat ini tidak dinyatakan dalam Sulalatus Salatin.

“...this king Madafaxza had many wives the daughters of neighbouring king. They say that he was a better king than all those who had gone before...he was a great man of justice...”⁷⁷

“...and Mamsursa began to ...taking counsel of the old men for virtuous government in matters of justice...”⁷⁸

Muhammad Yusoff Hashim pula berpendapat, sifat adil bagi seseorang raja itu tidak semestinya lahir dari kalangan masyarakat berdarah putih (berketurunan raja). Dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka, beliau menggambarkan bahawa keadilan itu wujud apabila raja atau sultan Melaka tidak bertindak secara berseorangan di dalam mengurus kerajaan. Raja atau sultan Melaka telah dibantu oleh para pembesar negara menerusi konsep *mushawarah*, perbincangan serta permuafakatan bagi mencapai satu keputusan yang adil.⁷⁹

Buku *Old Malacca* juga telah menggambarkan sifat adil bagi raja dan sultan Melaka. Namun jika diteliti secara mendalam, kita akan mendapati bahawa Sarna Hayes Hoyt telah memetik sumber-sumber yang terdapat di dalam buku Sejarah Melayu. Walaupun begitu, penulis mengemukakan juga pandangan yang telah dibuat oleh pengarang *Old Malacca* seperti berikut:

“...Sri Maharaja Mohammed Shah for instance had a strong sense of fairness...Sultan Mansur Shah is praised for his sense of justice...”⁸⁰

⁷⁷ Armando Cortesoa, op. cit., hal. 241.

⁷⁸ Ibid., hal. 243.

⁷⁹ Ibid., hal. 247.

⁸⁰ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 159-160.

⁸¹ Sarna Hayes Hoyt, op. cit., hal. 11.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa sifat adil seseorang raja atau sultan itu amat penting untuk diamalkan. Kepentingannya boleh dilihat dari dua persepsi. Pertama, ia penting bagi raja kerana ia merupakan salah satu elemen untuk terus mengekalkan kuasa pemerintahan dan mendapat penghormatan rakyat. Kedua, ia penting bagi rakyat untuk terus patuh dan taat kepada raja kerana raja yang adil akan bertanggungjawab memelihara rakyat dari sebarang bentuk kezaliman dan penganiayaan. Kedua-dua unsur ini sudah tentu mempunyai perkaitan di antara satu sama lain bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan aman sentosa. Firman Allah s.w.t.⁸²

لقد أرسلنا رسالنا بالبيانات وأنزلنا معهم الكتاب والميزان ليقوم الناس بالقسط

Ertinya: "...Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan..."

3.6.2.1.1.2. Pengampun

Sifat seterusnya yang perlu ada pada raja-raja ialah sifat pengampun. Pada pandangan penulis, ia merupakan salah satu sifat penting bagi raja khususnya dalam menangani serta mengadili kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh rakyat. Sekiranya raja memiliki sifat pengampun, sudah tentu mereka akan lebih dihormati oleh masyarakat bawahan. Teks Undang-Undang Melaka sendiri telah menceritakan syarat kelayakan bagi seseorang raja itu mestilah memiliki sifat pengampun.

⁸² al-Qur'an surah **al-Hadid** ayat 25.

“...adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara pertama ampun...”⁸³

Sejarah Melayu juga telah menarafikan satu kes bagaimana Sultan Mansur Syah telah menarik balik hukuman ke atas Laksamana Hang Tuah yang telah difitnah berlaku curang dengan seorang dayang istana walaupun hukuman bunuh telah dijatuhkan.

“...maka titah baginda “sayangnya Si Tuah tiada. Jikalau ia ada nescaya dapatlah ia menghapuskan kemaluanku...maka sembah Seri Nara Aldiraja ...jikalau sekiranya ada Hang Tuah hidup adakah ampun Yang Dipertuan akan dia...maka titah Sultan Mansur Syah “ Ada pun jikalau ada Si Tuah jikalau seperti bukit sekali pun besar dosanya nescaya kita ampuni juga...”⁸⁴

Ini menunjukkan bahawa sifat pengampun merupakan satu sifat yang wajib dimiliki oleh raja kerana ia akan melambangkan nilai kesejagatian dan perikemanusiaan yang sebenar. Tambahan pula Allah s.w.t. sebagai Penguasa manusia seluruhnya sanggup mengampunkan hamba-Nya yang bersalah. Apatah lagi raja (khalifah) yang hanya memegang amanah untuk mentadbir dunia buat sementara sahaja. Firman Allah s.w.t.:⁸⁵

قل إن كنتم تحبون الله فاتبعوني يحببكم الله ويغفر لكم ذنوبكم والله غفور رحيم

Ertinya: “...katakanlah wahai Muhammad ‘Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu’. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani...”

⁸³ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 66.

⁸⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 161.

3.6.2.1.1.3. Pemurah

Seseorang raja juga mesti memiliki sifat pemurah. Ia akan melahirkan rasa segan dan rendah diri masyarakat bawahan terhadap raja mereka. Hasilnya, rakyat akan sentiasa berlumba-lumba untuk mencurahkan sumbangan mereka terhadap pemerintah. Di samping mendapat habuan di dunia, ia juga sebagai bekalan untuk kehidupan di akhirat. Sejarah Melayu memberikan gambaran yang jelas tentang sifat pemurah yang telah dimiliki oleh raja dan sultan Melaka.

"...setelah Sultan Muzaffar Shah kerajaan teralulah baik fi'il baginda dengan ... murahnya ... pada memeriksai rakyat baginda..."⁸⁵

Undang-Undang Melaka dalam keterangannya telah memberi penekanan tentang kepentingan sifat pemurah bagi raja. Teksnya ada menyebut:

"...Adapun syarat segala raja-raja itu atas...murah...itulah sifat segala raja-raja itu pada zaman dahulu kala turun temurun datang sekarang..."⁸⁶

Pada pandangan penulis, sifat pemurah harus dimiliki oleh raja kerana ia bertindak sebagai perangsang kepada rakyat bekerja dengan lebih cemerlang bagi mendapatkan habuan apabila selesai melaksanakan sesuatu pekerjaan. Di

⁸⁵ Al-Qur'an surah *Ali Imrān* ayat 31.

⁸⁶ Shellabear W.G., op. cit., hal. 66.

⁸⁷ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 66.

samping itu, sifat pemurah juga merupakan satu sifat yang terpuji yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. seperti di dalam hadis:

“...Diriwayatkan daripada Malik bin al-Huwairis (r.a.) katanya: Kami datang menemui Rasulullah s.a.w. pada waktu itu kami masih sama-sama muda dan usia kami tidak banyak perbezaannya. Kami tinggal bersama Baginda selama dua puluh malam. Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang sangat pemurah dan lembut sekali...”⁶⁸

3.6.2.1.1.4. Gagah Perkasa

Seseorang raja yang memerintah sesebuah wilayah mestilah mempunyai kekuatan fizikal dan juga kekuatan mental. Kekuatan fizikal lebih penting bagi raja kerana ia akan dapat melahirkan rasa gerun dan takut pihak musuh. Kegagahan raja akan menjadikan rakyat sentiasa menaruh harapan untuk terus bernaung di bawah kekuasaannya. Di dalam sebuah hadith ada menyebut:

“...Rasulullah s.a.w. menyuruh Bilal (r.a.) memberitahu semua orang bahawasanya tidak akan masuk Syurga kecuali jiwa atau orang yang berserah diri iaitu Muslimah. Sesungguhnya Allah telah menguatkan lagi agama ini dengan seorang lelaki yang gagah perkasa...”⁶⁹

Dalam konteks sistem Kesultanan Melayu Melaka, Sejarah Melayu ada menyatakan keperkasaan dan kegagahan Sultan Alauddin Riayat Shah membanteras pencuri yang berleluasa pada zaman pemerintahannya.

⁶⁸ Abī Abbās, al-Imām al-Hafid Ahmad bin Abd al-Latīf al-Zabādī, **Mukhtasar Sahīh al-Bukhārī**, al-Saudiyah:Maktabah al-Muayyid, 1992, hadith no. 362, hal. 95.

⁶⁹ Ibid., hadith no. 1156, hal. 313.

“...ada pun Sultan Alauddin itu terlalu perkasa, tiada berbagai pada zaman itu...”⁹⁰

“...maka sultan (Alauddin) dan Hang Siak pun pergi mengikut pencuri itu, ia lari ke atas Bukit Melaka, maka diikuti baginda ke atas bukit, bertemu di nagara bukit itu, maka Sultan Alauddin bertempik lalu diparang baginda seorang kena pinggangnya putus seperti mentimun penggal dua...”⁹¹

Sarnia Hayes Hoyt telah menceritakan kegagahan Sri Maharaja Mohammed Shah membela kehidupan rakyat dari ancaman musuh.⁹² Seterusnya Liaw Yock Fang pula menggambarkan sifat perkasa⁹³ itu merupakan syarat bagi melayakkan seseorang raja menduduki takhta kerajaan.

Oleh yang demikian, raja semestinya berusaha untuk memiliki sifat gagah dan sifat berani. Dengan sifat ini, mereka boleh membela nasib rakyat dari penganiayaan dan kezaliman. Sifat gagah juga secara tidak langsung akan menyumbang kepada kemakmuran serta kesejahteraan negara kerana pihak musuh akan berasa takut untuk bertindak sewenangnya terhadap raja yang gagah.

Selain daripada sifat-sifat yang telah tersebut di atas, terdapat juga sifat-sifat lain yang digambarkan telah wujud dalam peribadi raja-raja Melaka.

⁹⁰ Raffles (ed.), op. cit., hal. 196.

⁹¹ A. Samad Ahmad, op. cit., hal. 174.

⁹² Sarnia Hayes Hoyt, op. cit., hal. 11.

⁹³ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 66.

Antaranya ialah sifat saksama,⁹⁴ melaksanakan atau menjatuhkan hukuman dengan kahar,⁹⁵ cintakan ilmu agama,⁹⁶ mewarisi sifat nabi,⁹⁷ lemah lembut,⁹⁸ baik paras rupa,⁹⁹ berkarisma, bijaksana,¹⁰⁰ dermawan,¹⁰¹ memiliki berkat¹⁰² dan sebagainya.

Perlu penulis tegaskan di sini bahawa kesemua sifat-sifat yang telah disebutkan di atas adalah merupakan sifat-sifat yang dituntut oleh Islam kerana ketua negara (raja atau sultan dalam konteks Kerajaan Melayu Melaka) adalah merupakan pemimpin yang bertanggungjawab menjaga urusan keagamaan dan juga urusan keduniaan supaya dipatuhi oleh seluruh rakyatnya.¹⁰³ Oleh itu, memiliki segala sifat-sifat yang dinyatakan sebelum ini amat penting bagi memelihara agama dan kemaslahatan hidup rakyat di dunia.

⁹⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 134. Lihat juga Liaw Yock Fang (ed.), *Ibid.*, hal 66.

⁹⁵ Liaw Yock Fang (ed.), *Ibid.*, hal 66.

⁹⁶ Raffles (ed.), op. cit., hal. 201 dan 266.

⁹⁷ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., 190.

⁹⁸ Sarnia Hayes Hoyt, op. cit., hal. 66.

⁹⁹ *Ibid.* Lihat juga Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 73.

¹⁰⁰ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 152. Lihat juga Armando Corteaso, op. cit., hal. 247.

¹⁰¹ Armando Corteaso, *Ibid.*, hal. 241.

¹⁰² Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 152.

3.6.2.1.2. Peranan Raja Terhadap Rakyat Jelata

Rakyat jelata merupakan amanah Allah s.w.t. kepada raja dan mereka mempunyai tanggungjawab yang besar untuk menjaga sekalian rakyat yang dibawah kekuasaannya. Tanggungjawab menjaga hak dan kebajikan rakyat meliputi bidang sosial, ekonomi, politik dan sebagainya seperti sabda Rasulullah s.a.w.;

“...Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin. Seorang pemerintah adalah pemimpin manusia dan dia akan bertanggungjawab terhadap rakyatnya...”¹⁰⁴

Hadis di atas telah menggambarkan betapa pentingnya peranan raja menjaga serta memelihara kemaslahatan hidup rakyat kerana raja merupakan nadi utama untuk menentukan matlamat dan hala tuju sesebuah negara. Jika raja beramanah, maka amanlah kehidupan rakyatnya. Begitu juga sebaliknya jika raja mengabaikan tanggungjawab mereka, sudah pasti rakyat akan hidup dalam kesempitan dan kesengsaraan. Untuk membincangkan peranan dan tanggungjawab raja, penulis telah membahagikannya kepada dua bahagian iaitu;

1. Tanggungjawab raja atau sultan terhadap para pembesar negara.
2. Tanggungjawab raja atau sultan ke atas rakyat jelata.

¹⁰³ Ibn Khaldūn, op. cit., hal. 214.

3.6.2.1.2.1. Tanggungjawab Raja Terhadap Pembesar

Sumber pensejarahan Melaka ada menceritakan tentang tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh raja-raja Melaka terhadap golongan pembesar. Keutamaan diberikan mengikut status kebesaran dan pangkat kedudukan yang diperolehi oleh pembesar tersebut. Penulis telah membuat pengkategorian tanggungjawab ini kepada dua (2) bahagian iaitu;

1. Tanggungjawab raja terhadap kebajikan sosial pembesar.
2. Penganugerahan raja sebagai tanda terima kasih kepada pembesar yang telah berkhidmat untuk negara.

Di dalam menjaga kebajikan sosial pembesar, raja-raja Melaka telah mengurniakan kawasan pegangan¹⁰⁵ tertentu kepada setiap pembesar utama (kecuali Penghulu Bendahari). Daerah jajahan itu merupakan—pemilikan pembesar untuk selama-lamanya. Mereka mempunyai kuasa autonomi terhadap kawasan pegangan masing-masing.¹⁰⁶ Mereka boleh memungut hasil atau cukai dari tanah jajahan tersebut sebagai nafkah untuk menampung perbelanjaan kehidupan mereka. Ia boleh dikatakan sebagai imbuhan kerana golongan

¹⁰⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 212. Kata *hukamā'* ini tidak dikodkan dalam *Sulalat al-Salatiñ* edisi A. Samad Ahmad dan *Sejarah Melayu* edisi W.G. Shellabear. Lihat juga Abi Abbas, op. cit., hadith no. 474, hal. 118.

¹⁰⁵ Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu; Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal 177.

¹⁰⁶ Mohd. Yusuf Ibrahim, "Beberapa Aspek Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan", op. cit., hal. 12-13.

pembesar utama tidak dikurniakan gaji atau perbelanjaan oleh raja sebagai upah ke atas perkhidmatan yang telah diberikan.¹⁰⁷ Contohnya kawasan pegangan Bendahara ialah Bentan, Laksamana ialah Siantan¹⁰⁸ dan sebagainya. Walaupun begitu, Penghulu Bendahari tidak dikurniakan tanah jajahan oleh raja. Namun beliau dibenarkan mengambil upahnya daripada khazanah negara sebagai perbelanjaan kehidupan.¹⁰⁹

Selain tanah jajahan, para pembesar Melaka juga dikatakan memiliki perkampungan mereka yang tersendiri di lereng bukit berdekatan istana raja seperti Kampung Bendahara, Kampung Seri Nara Diraja, Kampung Temenggung, Kampung Laksamana dan sebagainya.¹¹⁰ Pembesar merupakan orang yang berkuasa penuh ke atas penduduk kampung mereka. Mereka juga merupakan perantaraan di antara rakyat dan raja bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Sekiranya raja inginkan perkhidmatan orang awam, adalah menjadi

¹⁰⁷ Ismail Ambia, op.cit., hal. 3.

¹⁰⁸ Muhammad Yusoff Hashim, **Pensejarahan Melayu; Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara**, op. cit., hal. 177.

¹⁰⁹ Ibid., hal. 4. Lihat juga Mohd Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya" dalam **Seminar Sejarah Melaka**, op. cit., hal 12.

¹¹⁰ Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya", dalam **Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400-1980**, op. cit., hal. 114. Lihat juga Kassim Ahmad, **Hikayat Hang Tuah**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, hal. 18. Lihat juga Mohd Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya", op. cit., hal. 12.

tugas pembesar untuk membuat pemilihan orang yang berkelayakan di perkampungan masing-masing.¹¹¹

Raja-raja Melaka juga telah bertanggungjawab menganugerahkan barang tertentu dan hak keistimewaan sebagai tanda terima kasih raja ke atas perkhidmatan pembesar. Kebanyakannya dalam bentuk persalinan pakaian mengikut pangkat dan taraf pembesar. Menurut Sejarah Melayu, Bendahara telah dianugerahkan lima ceper¹¹² persalinan yang masing-masing terdiri dari seceper baju, dastar,¹¹³ sebai,¹¹⁴ ikat pinggang dan kain. Anak-anak raja, menteri dan ceteria akan dikurniakan empat ceper persalinan terdiri dari baju, dastar, sebai dan kain. Hulubalang. Bentara dan sida-sida akan menerima tiga ceper terdiri dari kain, baju dan dastar yang disatukan dengan sebai dalam satu ceper.¹¹⁵ Terdapat pembesar yang menerima dua ceper terdiri dari kain dan baju yang disertakan dengan dastar. Ada yang menerima seceper semuanya. Akhir sekali, terdapat juga pembesar yang menerima anugerah raja atau sultan

¹¹¹ Mohd Yusuf Ibrahim, 'Beberapa Aspek Masyarakat Zaman Kesultanan', op. cit., hal. 13.

¹¹² Ceper ialah sejenis perkakas seperti dulang (piring) biasanya diperbuat dari logam.

¹¹³ Dastar (destar) ialah setangan kepala, tengkolok, tanjak kain (ikat) kepala.

¹¹⁴ Sebai ialah kain yang dibelit dileher untuk menutup bahu dengan kedua-dua hujungnya tergantung di dada, selendang yang digantung dibahu.

¹¹⁵ Raffles (ed.), op. cit., hal. 125 dan 127. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 168.

dengan tiada berceper. Pakaian tersebut dilipat serta diampu oleh hamba raja lalu diberikan kepada orang yang dianugerahkan persalinan tersebut.¹¹⁶

Bendahara Melaka juga telah diberikan layanan istimewa makan sehidang seorang atau sehidang dengan anak raja.¹¹⁷ Di samping itu, raja juga telah mengurniakan usungan kepada Bendahara dan Laksamana sebagai tanda penghormatan terhadap status kedudukan sosial mereka di dalam masyarakat.¹¹⁸

Oleh itu, tanggungjawab raja-raja Melaka ke atas golongan pembesar (seperti yang digambarkan sebelumnya) telah menunjukkan keprihatinan pihak raja terhadap kebijakan sosial pembesarnya. Ia juga sebagai simbol agar golongan pembesar sentiasa mendapat penghormatan yang sewajarnya daripada rakyat jelata. Kepekaan terhadap tanggungjawab ini juga merupakan intensif kepada golongan pembesar untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa hadapan. Hal ini telah dinyatakan di dalam al-Qur'an;¹¹⁹

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءِ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا
وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَأَكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قُوْلًا هَرُوفًا

Ertinya: "...Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta (mereka yang ada dalam

¹¹⁶ Shellabear W.G. (ed.), op. cit., hal. 58.

¹¹⁷ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 79.

¹¹⁸ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 168.

¹¹⁹ Al-Qur'ān surah **al-Nisā'** ayat 5.

kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik..."

3.6.2.1.2.2. Tanggungjawab Raja Terhadap Rakyat Jelata¹²⁰

Di samping memelihara tanggungjawab terhadap golongan pembesar, raja-raja Melaka tidak pula mengabaikan tanggungjawab mereka ke atas rakyat jelata. Ia penting bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara. Jika ia dilaksanakan secara adil dan sempurna, sudah tentu rakyat akan menunjukkan kesetiaan dan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada pihak pemerintah. Untuk merealisasikan cita-cita ini, raja-raja Melaka telah memberikan mandat sepenuhnya kepada golongan pembesar negara untuk bertindak menjaga kebijakan rakyat jelata bagi pihak mereka (raja).

Menurut Mohd Yusuf Ibrahim, tanggungjawab pemerintah¹²¹ ialah memberi perlindungan serta menjaga keamanan golongan yang diperintah. Raja juga harus mengagihkan tanah kepada rakyat jelata mengikut keluasan yang mampu dikerjakan oleh mereka.¹²² Keperluan tanah ini amat penting sebagai

¹²⁰ Golongan ini adalah merupakan rakyat biasa yang tidak mempunyai pangkat dan kedudukan dalam pentadbiran Melaka.

¹²¹ Golongan pemerintah yang dimaksudkan pada pandangan penulis ialah golongan raja.

¹²² Pada pendapat penulis, golongan ini merupakan rakyat jelata yang bebas merdeka. Lihat Mohd Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya" op. cit., hal. 7.

mampu dikerjakan oleh mereka.¹²² Keperluan tanah ini amat penting sebagai tempat perlindungan (perumahan) dan juga tapak pertanian untuk menampung perbelanjaan kehidupan sehari-hari.

Selain tanah, penyediaan kemudahan prasarana awam juga menjadi tanggungjawab penting bagi raja untuk kemudahan rakyat jelata. Mohd Yusuf Ibrahim juga ada menegaskan, pada zaman awal pemerintahan Parameswara, baginda dikatakan telah berusaha membina sebuah jambatan merentangi sungai di hadapan istana untuk tujuan perniagaan di atas jambatan tersebut khususnya barang runcit.¹²³

Pihak raja Melaka juga tidak terlepas dari tanggungjawab memelihara kaharmonian hidup rakyat jelata dari unsur-unsur penganiayaan dan kezaliman. Untuk membanteras gejala penganiayaan dan kezaliman ke atas rakyat, sudah semestinya memerlukan undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk dilaksanakan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab raja menggubal sistem perundangan dan melaksanakannya supaya rakyat jelata dapat hidup aman dan bebas dari sebarang kekacauan. Sejarah Melayu menggambarkan pembinaan undang-undang dan juga penggubalan peraturan Kerajaan Melayu Melaka seperti berikut;

¹²²Pada pendapat penulis, golongan ini merupakan rakyat jelata yang bebas merdeka. Lihat Mohd Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya" op. cit., hal. 7.

¹²³Ibid. hal. 11.

“...sebelumnya Sultan Muzaffar Shah di atas kerajaan ... baginda lah menyuruhkan menyurat kitab undang-undang supaya jangan bersalah lagi segala hukum menteri...”¹²⁵

Undang-Undang Melaka telah memuatkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh rakyat agar keamanan dapat dikekalkan dalam masyarakat. Sistem perundangan Melaka dikatakan berkait rapat dengan peraturan yang telah dibuat oleh Iskandar Zulkarnain dan Sultan Iskandar Shah. Perkaitan salasilah keturunan oleh Undang-Undang Melaka ini pada pandangan penulis adalah sebagai bukti untuk menunjukkan keadilan serta kesaksamaan organisasi pemerintahan yang telah dijalankan oleh mereka.

“...ada pun ketahuilah olehmu sekalian akan adat ini turun temurun daripada zaman Sultan Iskandar Dzulkarnain...kepada...Sultan Mahmud Shah...dan meletakkan adat perintah raja-raja dan perintah segala orang besar-besar dan meletakkan hukum dan perintah negeri...”¹²⁶

Perbahasan di atas telah menunjukkan sikap bertanggungjawab raja-raja Melaka memelihara kebijakan dan kesejahteraan rakyat yang berada di bawah naungan mereka. Ia telah dilaksanakan secara menyeluruh meliputi kemudahan asas seperti pengurniaan tanah untuk pertanian, kemudahan sosial seperti membina jambatan untuk memudahkan urusan perniagaan dan juga kemudahan perundangan untuk memberi keadilan dan hak yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat. Hasilnya Melaka telah berjaya membentuk sebuah masyarakat kosmopolitan yang hidup dengan aman dan sejahtera suatu waktu dahulu.

¹²⁵ A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 86-87.

¹²⁶ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 64.

3.6.3. Peranan Pembesar Dalam Sistem Pemerintahan

Golongan pembesar merupakan tunggak utama di dalam Kerajaan Melayu Melaka selepas raja. Sumbangan mereka amat penting untuk kemakmuran negara. Golongan ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan sistem politik, ekonomi, perundangan dan sebagainya di dalam negara. Seterusnya, mereka juga bertindak sebagai wakil untuk menghubungkan raja dengan rakyat jelata. Secara umumnya, para pembesar ini perlu mempunyai enam (6) sifat-sifat seperti yang terkandung di dalam Undang-Undang Melaka.

"...ada pun ketahui olehmu bahwa syarat menteri itu enam perkara; pertama menafaus salah benar rakyat; kedua tahu ia hukum; ketiga tahu ia mengambil upah; keempat menengar kata kedua pihak; kelima tahu ia budi tatkala ia menjatuhkan hukum itu dengan keras perangainya; keenam hendaklah arif kepada siasatnya dan periksanya..."¹²⁷

Dalam perbincangan ini, penulis akan memberi keutamaan kepada peranan serta tanggungjawab yang dimainkan oleh golongan pembesar utama Melaka yang terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, Laksamana, Syahbandar dan juga Nakhoda. Ini tidak bermakna, penulis mengabaikan peranan dan tanggungjawab pembesar-pembesar lain kerana mereka juga terlibat dalam urusan pemerintahan.

¹²⁷ Ibid., hal. 70-72.

3.6.3.1. Bendahara

Menurut Ismail Ambia, perkataan Bendahara ini berasal dari bahasa Sanskrit yang bermaksud pemegang perbendaharaan iaitu pegawai yang mengendalikan urusan tempat menyimpan khazanah negara. Beliau juga merupakan menteri yang pertama. Berlainan keadaannya dalam konteks Kerajaan Melayu Melaka, jawatan Bendahara dikatakan berfungsi sebagai Perdana Menteri merangkap pegawai kanan sultan.¹²⁸ Muhammad Yusoff Hashim pula berpendapat, Bendahara adalah ketua pentadbir di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.¹²⁹ Jawatan ini sama tarafnya dengan Ketua Eksekutif bagi sesebuah kerajaan masa kini.¹³⁰

Zainal Abidin Abdul Wahid berpendapat, Bendahara adalah merupakan ketua pentadbir yang mempunyai kedudukan yang sama pangkatnya dengan Perdana Menteri sekarang ini. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan di antara keduanya kerana Bendahara dipilih oleh sultan sementara Perdana Menteri pula dipilih oleh rakyat melalui proses pilihanraya.¹³¹ Perlantikan jawatan Bendahara bagi Kerajaan Melayu Melaka kebiasaannya dibuat oleh raja dan

¹²⁸ Ismail Ambia, op. cit., hal. 1.

¹²⁹ Armando Corteaso, op. cit., hal. 264. Lihat juga Rahim Syam dan Horhale, **Mendekati Kebudayaan Melayu**, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985, hal. 103.

¹³⁰ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal 167.

¹³¹ Zainal Abidin Abdul Wahid, "Power and Authority in the Melaka Sultanate; the Traditional View", Op. Cit., hal 105. Lihat juga Sarnia Hayes Hoyt, op. cit., hal. 13.

mesti dari kalangan bangsawan yang mempunyai hubungan terus dengan keluarga diraja.¹³²

3.6.3.1.1. Bidang Kuasa Bendahara

Tidak dapat dinafikan, bidang kuasa Bendahara amat luas sekali. Terdapat tiga alasan yang menyebabkan penulis berpendapat sedemikian. Pertama, kerana Bendahara merupakan ketua pentadbir dan pembesar yang paling kanan dalam sistem Kesultanan Melayu Melaka. Kedua, kerana Bendahara ada mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat dengan raja-raja Melaka. Ketiga, kerana Bendahara memiliki status ‘senioriti’ dari segi perkhidmatan di dalam jentera pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka. Tome Pires telah mencatatkan bidang kuasa Bendahara melalui bukunya *The Suma Oriental* seperti berikut;

“...Bendara ia a kind of chief-justice in all evil and criminal affairs, he also has charge of the king's revenue, he can order any person to be put to death of whatever rank and condition whether nobleman or foreigner but first of all he informs the king and both decide the matter in consultation...”¹³³

Muhammad Yusoff Hashim telah membahagikan bidang tugas Bendahara kepada tiga bahagian iaitu sebagai ketua pentadbir, ketua turus angkatan

¹³² Mohd Yusuf Ibrahim, “Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya”, op. cit., hal. 18. Lihat juga Rahim Syam dan Norhale, op. cit., hal. 103.

¹³³ Armando Cortesao, op. cit., hal. 264.

tentera¹³⁴ dan hakim di dalam memutuskan sesuatu hukuman.¹³⁵ Pendapat Ismail Ambia pula mengatakan, bidang kuasa Bendahara selain dari menjadi Perdana Menteri ialah¹³⁶ pembantu atau orang harapan kepada sultan, teman berunding sultan dalam sesuatu perkara atau masalah, tempat sultan mendapatkan buah fikiran, pegawai yang melaksanakan titah perintah sultan, hakim dan juga ketua turus angkatan perang. Di dalam menganalisis buku Sejarah Alam Melayu, Ismail Ambia juga ada menyebut;

“...maka orang besar2 itu pula terator masing2 pada pangkat dan pegangannya, Bendahara menjadi menteri besar dan segala hal ahwal berkenaan dengan negeri yang hendak di-perbuat oleh raja terlebih dahulu di-meshuaratkan kepada Bendahara telah putus meshuarat-nya itu. Bendaharalah yang melakukan kehendak raja itu, dan bagi Bendahara itu juga yang menjadi hakim besar pada menyelesaikan segala penda'waan yang besar2 demikian juga Bendahara-lah yang melakukan pekerjaan pechat memechat akan orang besar2 Raja dan kadang2 mengepalai angkatan peperangan juga...”¹³⁷

Selain dari keterlibatan dalam urusan pentadbiran awam, Bendahara juga mempunyai kuasa di dalam bidang legislatif. Beliau mempunyai autoriti mengadili sebarang bentuk kesalahan serta menjatuhkan hukuman mengikut kesesuaian kesalahan yang dilakukan. Bermula dari sebesar-besar kesalahan hingga keadaan kesalahan yang paling kecil. Teks Undang-Undang Melaka ada

¹³⁴ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 169.

¹³⁵ Ibid., hal. 170

¹³⁶ Ismail Ambia, op. cit., hal. 1.

¹³⁷ Ibid., hal. 2. Lihat juga Abdul Hadi Hassan, **Sejarah 'Alam Melayu**, t.p., 1947, Penggal II, hal 227-230.

menggambarkan kekuasaan Bendahara sebagai seorang hakim bagi memutuskan sesuatu hukuman.

“...ada pun hukum yang diserahkan kepada Bendahara itu seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar...”¹³⁸

Sebagai kesimpulan, bidang kuasa yang dimiliki oleh Bendahara tidak mempunyai batas sempadan. Ia mencakupi keseluruhan urusan pemerintahan sama ada di dalam urusan pentadbiran negara, ketenteraan, kehakiman, ekonomi dan adat istiadat istana. Oleh kerana bidang tugas yang menyeluruh, penulis merasakan ada kewajarannya pihak raja melantik Bendahara dari kalangan individu yang mempunyai hubungan darah diraja yang telah diketahui akal budinya.

3.6.3.2. Penghulu Bendahari

Penghulu Bendahari merupakan ketua penyimpan harta raja¹³⁹ dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka. Tugasnya ialah menerima segala hasil mahsul negeri yang telah dipungut untuk disimpan sebagai perbendaharaan negara. Hasil-hasil tersebut meliputi cukai-cukai yang dipungut di dalam negeri dan juga di pelabuhan. Segala cukai yang dikutip akan didaftarkan jumlahnya dan ia menjadi milik mutlak raja. Seterusnya Penghulu Bendahari akan

¹³⁸ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 62.

¹³⁹ Muhammad Yusoff Hashim mengatakannya sebagai Ketua Bendahari. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 172.

mengagihkan cukai-cukai tersebut untuk mengurus perbelanjaan istana, perbelanjaan angkatan perang dan sebagainya.¹⁴⁰

Penghulu Bendahari juga bertugas sebagai ketua istiadat dalam acara rasmi diraja seperti menyuruh pekerjaanya membentang tikar, menghias balairung, mengantung tabir langit-langit, mengendalikan hidangan untuk tetamu serta mendapatkan pekerja-pekerja untuk tujuan di atas.¹⁴¹ Di antara tugas lain Penghulu Bendahari ialah menjadi ketua kepada seluruh bendahari Melaka, pegawai yang menguruskan hasil mahsul negeri, Syahbandar Melaka dan bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal hamba-hamba raja. Di samping itu, Penghulu Bendahari juga berperanan dalam bidang ketenteraan dan harus bersifat hulubalang dan mahir dalam ilmu peperangan¹⁴².

Akhirnya penulis dapat merumuskan bahawa jawatan—Penghulu Bendahari pada zaman Kesultanan Melayu Melaka adalah sama dengan jawatan Menteri Kewangan dalam konteks Malaysia sekarang ini khususnya dalam mengawal urusan-urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan negara. Walau bagaimanapun, wujud sedikit perbezaan tugas dengan Menteri Kewangan sekarang kerana Penghulu Bendahari juga terlibat di dalam urusan ketenteraan, adat istiadat istana dan urusan pengendalian hamba.

¹⁴⁰ Ismail Ambia, op. cit., hal. 2.

¹⁴¹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 173

¹⁴² Ibid.

3.6.3.3. Temenggung¹⁴³

Temenggung adalah ketua majistret di dalam negeri¹⁴⁴ yang bertanggungjawab ke atas kerja *tafahus-menafahus*.¹⁴⁵ Setiap kes pendakwaan akan dibicarakan di hadapan Temenggung terlebih dahulu. Sekiranya kes tersebut tidak dapat diselesaikan, barulah ia dirujuk kepada Bendahara untuk perbicaraan yang seterusnya¹⁴⁶. Temenggung juga turut terlibat di dalam urusan hal ehwal awam dan ketenteraan di samping berperanan mengawal serta mengatur undang-undang (peraturan)¹⁴⁷ untuk keselamatan di dalam negeri.

Temenggung mempunyai kuasa untuk menangkap orang yang melakukan kesalahan dan menjatuhkan hukuman terhadap mereka. Beliau akan bertindak sebagai hulubalang negara yang bertanggungjawab mengawal

¹⁴³ Armando Cortesao, op. cit., hal. 265. Tome Pires menyebutnya sebagai *Tumungo*.

¹⁴⁴ Ibid.

¹⁴⁵ Tafahus menafahus bermaksud menyelidik, memeriksa serta melakukan pendakwaan ke atas setiap kesalahan. Lihat Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 62. Lihat Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, op. cit., hal. 174.

¹⁴⁶ Armando Cortesao, op. cit., hal. 265.

¹⁴⁷ Ismail Ambia, op. cit., hal. 2-3.

keselamatan raja.¹⁴⁸ Seterusnya Temenggung juga telah diberi pengiktirafan oleh raja untuk memungut cukai daripada para pedagang.¹⁴⁹

Sebagai kesimpulannya, penulis ingin menegaskan bahawa Temenggung juga merupakan pembesar yang berperanan luas di dalam urusan pemerintahan. Tugas Temenggung bukan hanya terhad di dalam bidang perundangan sahaja, tetapi juga terlibat di dalam kegiatan-kegiatan ketenteraan, keselamatan dalam negeri dan juga di dalam hal ehwal perdagangan. Ini menggambarkan kepada kita bahawa jawatan Temenggung bukanlah satu jawatan yang boleh dipandang ringan dan mudah kerana keselamatan dan keadilan untuk rakyat terletak di bawah penyeliaannya. Walau bagaimanapun bidang kuasa Temenggung adalah lebih rendah berbanding dengan kuasa Bendahara khusus di dalam mengadili sesuatu kesalahan. Ini kerana kuasa Bendahara di dalam perundangan itu boleh dianggap sebagai ketua hakim negara yang mengawal selia hakim-hakim yang di bawah kuasanya termasuklah Temenggung.

3.6.3.4. Laksamana

Menurut Muhammad Yusoff Hashim, jawatan Laksamana secara formal mula diperkenalkan selari dengan munculnya Hang Tuah sebagai pahlawan Melaka. Alasannya ialah Hang Tuah merupakan orang yang pertama diberi gelaran Laksamana. Jawatan ini menjadi lebih masyhur apabila Hang Tuah

¹⁴⁸ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 174-175.

berjaya membunuh Hang Kasturi¹⁵⁰. Sebagai membalas budi Hang Tuah telah dikurniakan pangkat Laksamana oleh Sultan Mansur Shah.¹⁵¹ Menurut beliau lagi sebelum lahirnya institusi Laksamana, pemegang jawatan ini digelar Hulubalang Besar (kerajaan Temasik) dan juga Seri Bija Diraja¹⁵² (di awal penubuhan Kerajaan Melayu Melaka sehingga zaman Sultan Muzaffar Syah).¹⁵³

Kenyataan ini agak kontra dengan kandungan Sejarah Melayu yang menceritakan jawatan Laksamana telah wujud sejak dari zaman Sultan Muhammad Shah lagi.¹⁵⁴ Walau bagaimanapun, bukanlah menjadi matlamat utama penulis untuk membincangkan persoalan tersebut. Cukuplah sekadar kita mengetahui wujudnya jawatan Laksamana di dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka kerana agenda penting penulis ialah menghuraikan tanggungjawab Laksamana di dalam sistem pemerintahan tersebut. —

¹⁴⁹ Armando Cortesao, op. cit., hal. 265.

¹⁵⁰ Kebanyakkan cerita lagenda Melayu mengkisahkan bahawa Hang Tuah telah membunuh kawan karibnya Hang Jebat namun sebenarnya orang yang dibunuh oleh Hang Tuah itu adalah Hang Kasturi.

¹⁵¹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 175

¹⁵² Namun semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah dan sultan-sultan yang seterusnya. Seri Bija Diraja telah digambarkan melakukan tugas secara bergandingan dengan Laksamana. Lihat A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 165-166. Lihat juga W.G. Shellabear (ed.), op. cit., hal. 121-122. Lihat juga Raffles (ed.), op. cit., hal. 170. Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 175. Lihat juga Ismail Ahmad, op. cit., hal. 42.

¹⁵³ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 175.

¹⁵⁴ Raffles (ed.), op. cit., hal. 126. Shellabear, W.G. (ed.), op. cit., hal. 57-59. A. Samad Ahmad, (ed.), op. cit., hal. 77-79.

Secara umum, Laksamana merupakan 'raja di laut'.¹⁵⁵ Beliau adalah ketua angkatan tentera laut yang berfungsi mengawal dan menjaga keamanan negara menerusi laut. Tugasnya ialah mengetuai armada laut di dalam sesuatu perperangan. Segala perahu dan peralatan perang laut tertakluk di bawah kawalan Laksamana.¹⁵⁶ Walaupun begitu, Laksamana juga bertugas di darat selaku pengawal raja dan Bendahara ketika keduanya mengendalikan sesuatu kes perbicaraan.¹⁵⁷ Tome Pires telah menggambarkan tanggungjawab Laksamana menerusi *Native Administration* seperti berikut;

"...the Lasemana is a kind of admiral, he is the chief of all the fleet at sea, everybody at sea and junks and lancharas are under this man's jurisdiction, he is the king's guard, every knight [and] mandarin is under his orders, he is almost important as the Bemdara - in war matters he is much more important and more feared..."¹⁵⁸

Dengan alasan-alasan di atas, dapat penulis rumuskan bahawa tugas Laksamana juga amat penting di dalam struktur pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Laksamana merupakan benteng pertahanan negara jika berlaku serangan dari pihak musuh. Laksamana juga berperanan di dalam menjaga keselamatan dan pemungut cukai bagi kapal-kapal yang berlabuh di Melaka ketika itu. Oleh itu, gelaran Laksamana selayaknya disenaraikan bersama tiga (3) pembesar sebelumnya sebagai Empat pembesar Utama Melaka.

¹⁵⁵ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 176

¹⁵⁶ Ismail Ambia, **Bendahara-Bendahara Melaka**, Op. Cit., hal 3

¹⁵⁷ Ibid.

3.6.3.5. Syahbandar

Syahbandar merupakan 'raja' di pelabuhan. Perkataan Syahbandar diambil dari satu gelaran jawatan bagi kelasi Parsi yang datang ke pelabuhan Melaka pada waktu itu.¹⁵⁸ Mereka bertugas sebagai pemungut cukai dari segala perahu dan kapal yang datang bermiaga di Melaka. Syahbandar juga bertanggungjawab memeriksa perahu dan segala aktiviti yang dilakukan pedagang. Mereka berkuasa menangkap, membicara serta menghukum golongan pedagang yang melakukan kesalahan.¹⁵⁹ Di samping tugasannya di atas, Syahbandar juga bertanggungjawab mengurus hal ehwal perniagaan, mengawal selia kemasukan pendatang asing (*immigrant*), memungut duti kastam dan mengurus hal ehwal pentadbiran pelabuhan.¹⁶⁰ Tome Pires menyatakan pada zaman Kerajaan Melayu Melaka terdapat empat (4) jawatan Syahbandar (*Xabamdar*) iaitu;

—

"...there is a Xabamdar for the Gujerates the most important of all, there is a Xabamdar for the Bunuaqilin, Bengales, Pegus, Pase, there is a Xabamdar for the Javanese, Moluccans, Banda, Palembang, Tamjompura and Lacoes, there is a Xabamdar for the Chinese, Leques, Chanchoe and Champa. Each man applies to [the Xabamdar] of his nation when he comes to malacca with merchandise or messages..."¹⁶¹

¹⁵⁸ Armando Cortesao, op. cit., hal. 264-265.

¹⁵⁹ Ismail Ambia, op. cit., hal. 6.

¹⁶⁰ Ibid., hal. 3.

¹⁶¹ Ibid., hal. 6.

¹⁶² Armando Cortesao, op. cit., hal. 265.

Sumber daripada Muhammad Yusoff Hashim pula menukarkan bahawa Syahbandar juga bertugas sebagai pentadbir anak-anak yatim, mengawasi dan menjaga keselamatan institusi pasar dan gudang simpanan barang dagangan, mengawal sistem sukanan perniagaan serta mengawal daripada berlakunya spekulasi di dalam pasaran.¹⁶³ Teks Undang-Undang Melaka ada menjelaskan bidang kuasa Syahbandar seperti berikut;

“...ada pun hukum yang diserahkan kepada Syahbandar itu, iaitu menghukum segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jong dan baluk dan barang sebagainya...”¹⁶⁴

Gambaran di atas menjelaskan kepada kita bahawa portfolio Syahbandar hanya tertumpu di sekitar pelabuhan sahaja. Ini bukan bermakna tugas dan pekerjaan yang dipikul oleh Syahbandar itu mudah. Disebabkan pengendalian urusan pelabuhan yang banyak dan begitu cerewet, adalah logik jika Tome Pires menyatakan terdapat empat (4) orang Syahbandar di Pelabuhan Melaka ketika itu.

3.6.3.6. Nakhoda

Nakhoda adalah kapten kapal.¹⁶⁵ Mereka merupakan suatu kelompok masyarakat yang membentuk kedudukannya yang tersendiri. Golongan ini jarang terlibat dalam organisasi pentadbiran awam. Apabila Melaka muncul sebagai

¹⁶³ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 179-180.

¹⁶⁴ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 62-64.

sebuah bandar pelabuhan entreport¹⁶⁶ yang mengendalikan urusan perdagangan antarabangsa, fungsi nakhoda menjadi amat penting.¹⁶⁷ Mereka bertanggungjawab mengawal kapal-kapal yang dimiliki bagi melancarkan urusan keluar masuk kapal di pelabuhan.

3.6.3.7. Jawatan-Jawatan Lain

Selain dari jawatan dan peranan pembesar di atas, terdapat juga jawatan kecil lain seperti jawatan Bentara yang berperanan sebagai penyampai titah raja, membekal atau mendapatkan hamba raja¹⁶⁸ dan pemikul pedang kerajaan.¹⁶⁹ Jawatan Fakih dan Qādi pula dipertanggungjawab untuk mengendalikan urusan keagamaan, mengembang serta mengajar hal ehwal agama Islam kepada raja dan rakyat. Sejarah Melayu ada menggambarkan bahawa Sultan Mahmud Shah sentiasa mengaji (belajar atau mendalami ilmu agama) dengan Makhdum Sadar Jahan¹⁷⁰ dan pelbagai lagi jawatan lain yang wujud di istana Melaka.

¹⁶⁵ Teuku Iskandar, op. cit., hal. 854.

¹⁶⁶ Entreport adalah tempat yang menjadi pusat menerima barang-barang dagangan dari satu negeri untuk dikirim ke negeri lain. Teuku Iskandar, op. cit., hal. 316.

¹⁶⁷ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 180.

¹⁶⁸ Raffles (ed.), op. cit., hal. 120.

¹⁶⁹ Ibid., hal. 123. Lihat juga A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 72.

¹⁷⁰ Ibid., hal. 266. Di dalam edisi Shellabear dan edisi A. Samad Ahmad menyatakan Sultan Ahmad mengaji ilmu Tasawwuf dengan Makhdum Sadar Jahan. Lihat Shellabear, W.G. (ed.), op. cit., hal. 201. Lihat juga A. Samad Ahmad (ed.), op. cit., hal. 266.

Sebagai kesimpulannya, tujuan pemerintah Melaka mengadakan jawatan-jawatan tersebut adalah untuk melancar, mengukuh serta melicinkan perjalanan urusan jentera pentadbiran kerajaan. Ia jelas menunjukkan dengan keterlibatan golongan pembesar secara menyeluruh di dalam hal ehwal pentadbiran meliputi ekonomi, politik, pentadbiran awam, kehakiman, adat istiadat, keagamaan dan sebagainya. Di samping itu, golongan pembesar juga bertindak sebagai penyokong kepada institusi pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka untuk mentadbir negeri sejajar dengan peranan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an;¹⁷¹

وَجَعَلْنَا هُمْ أَئِمَّةً لِّيَهُدُونَ بِأَمْرِنَا وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِمْ فَعْلَ الْخَيْرَاتِ

Ertinya: "...Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah Kami, dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan..."

3.6.4. Peranan Rakyat Jelata Terhadap Pemerintah

Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka telah menggambarkan kepentingan dan tanggungjawab rakyat jelata membantu golongan pentadbir memajukan serta mempertahankan negara dari serangan musuh. Ia telah meletakkan status kedudukan rakyat kepada dua bahagian iaitu golongan rakyat yang merdeka dan golongan hamba.

¹⁷¹ Al-Qur'an surah al-Anbiya' ayat 73.

3.6.4.1. Golongan Rakyat Merdeka

Golongan ini dikenali sebagai rakyat biasa (*orang merdeheka*) atau orang awam.¹⁷² De Eredia menyatakan sekurang-kurangnya terdapat tiga kelompok rakyat biasa yang terdiri daripada golongan peniaga (pedagang), buruh biasa dan ahli pertukangan mahir dalam seni ukir dan menempa (membuat) senjata.¹⁷³ Mereka dapat diklasifikasikan kepada dua golongan, iaitu rakyat tempatan dan orang asing. Secara umumnya, kedua-dua golongan ini tertakluk secara longgar di bawah pentadbiran tentera dan pentadbiran awam.¹⁷⁴ Rakyat tempatan kebiasaan akan menjadi pengikut atau pengiring pembesar dan raja. Mereka dinamakan hulubalang dan terlibat secara langsung dalam perperangan menentang musuh.¹⁷⁵

Sementara golongan orang asing pula kebanyakannya mereka adalah peniaga dan pedagang. Mereka yang mempunyai taraf ekonomi yang lebih rendah terdiri daripada buruh kasar, tukang ukir dan tukang yang mahir menempa senjata. Golongan ini datang dari pelbagai pelusuk daerah di

¹⁷² Mohd Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya", op. cit., hal. 18.

¹⁷³ De Eredia, op. cit., hal. 39. Lihat juga Mohd Yusuf Ibrahim, "Melaka 1400-1511; Beberapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya", Ibid., hal. 18.

¹⁷⁴ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, Op. Cit., hal 292.

¹⁷⁵ Ibid.

Nusantara.¹⁷⁶ Sejarah Melayu menceritakan perihal golongan ini tatkala mereka diarahkan untuk membina istana Sultan Selangor seperti berikut;

"...maka Sultan Mansur Shah memberi titah pada Bendahara menyuruh berbuat istana dan balairung, di dalam sebulan juga kita kehendaki sudah, maka Bendahara pun mengerah orang berbuat istana dan balairung, maka orang Ungaran dan orang Sugal berbuat istana sertanya, orang Bintan karangan biram akan dia, orang Pancur Serapong berbuat balairong, orang Buru berbuat balai mendapa, orang Suir berbuat dia itu apit pintu yang dari kanan, orang Sudir berbuat ia balai apit pintu yang di kiri itu, orang Sayong berbuat dia kandang, orang Upang berbuat dia danu gajah, orang Merbau berbuat dia penanggahan, orang Sawang berbuat dia danu permandian, orang Tungkal berbuat dia danu masjid, orang Tentai berbuat dia pintu pagar istana, orang Muda berbuat dia danu kota orang..."¹⁷⁷

Di samping itu Undang-Undang Laut Melaka pula ada menjelaskan tentang orang awam yang bergelar 'Orang Kiwi'.¹⁷⁸ Mereka menjalankan perniagaan di darat dan juga di laut¹⁷⁹ serta menjadi orang perantaraan yang sangat dikehendaki khususnya dalam perdagangan entreport di pelabuhan Melaka ketika itu.¹⁸⁰

¹⁷⁶ Ibid., hal. 293.

¹⁷⁷ Raffles (ed.), op. cit., hal. 166.

¹⁷⁸ Orang Kiwi bermaksud saudagar yang menghantar serta menyebarluaskan barang mereka untuk diperdagangkan.

¹⁷⁹ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 258.

¹⁸⁰ Mohd Yusuf Ibrahim, op. cit., hal. 18

3.6.4.2. Golongan Hamba

Menurut pandangan Mohd Yusuf Ibrahim, institusi perhambaan telah wujud dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka akibat dari sistem yang diasaskan oleh ajaran Hindu.¹⁸¹ Apabila Islam muncul di Melaka pada pertengahan abad ke-15M, institusi ini masih lagi dikenalpasti kerana telah sebatik (darah daging) dengan cara hidup darah daging rakyat Melaka. Sistem perhambaan juga dikatakan telah memudahkan perjalanan urusan-urusan kehidupan masyarakat Melaka pada waktu itu.¹⁸²

Muhammad Yusoff Hashim menyatakan, kewujudan institusi hamba dalam konteks Kerajaan Melayu Melaka berkait rapat dengan keperluan serta kepentingan sosial dan ekonomi masyarakat pada waktu itu. Golongan hamba berperanan menyumbangkan tenaga kemanusiaan dalam sektor pekerjaan. Mereka menjalankan kerja-kerja¹⁸³ mengikut arahan yang diberikan oleh tuan mereka. Golongan ini terdiri daripada kalangan hamba lelaki dan hamba wanita.

Hamba lelaki membuat semua jenis pekerjaan yang menggunakan tenaga kemanusiaan bermula dari memanjat kelapa hingga kepada mengayuh jong (perahu) yang besar. Manakala hamba wanita pula akan bekerja

¹⁸¹ Agama Hindu merupakan agama yang dianuti oleh masyarakat Melaka sebelum kedatangan Islam.

¹⁸² Mohd Yusuf Ibrahim, op. cit., hal. 24.

¹⁸³ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 296.

di dapur, di ladang sehingga lah menjadi teman tidur tuannya. Mereka ini digelar beti-beti¹⁸⁴. Teks Undang-Undang Melaka menegaskan kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh golongan hamba adalah seperti berikut;

"...adapun segala syarat hamba raja itu atas tiga perkara: suatu benar kepada barang afalnya, kedua menurut barang titah rajanya, mau ia zalim, mau ia tiada, fardu menurut titahnya, ketiga ada ia mengharapkan ampun tuannya..."¹⁸⁵

Menurut Muhammad Yusoff Hashim lagi, golongan hamba terbahagi kepada tiga (3) golongan.¹⁸⁶ Golongan yang pertama hamba biasa. Mereka digelar biduanda, abdi dan hamba. Biduanda pula dikatakan mempunyai taraf yang lebih tinggi daripada yang lain dan berperanan sebagai orang suruhan yang membawa alat kerajaan.¹⁸⁷ Golongan yang kedua ialah hamba yang ber hutang. Mereka terdiri daripada kalangan orang yang tidak dapat melangsakan hutang mereka kepada si pemutang. Golongan ini juga adalah daripada kalangan pencuri yang ditangkap tetapi tidak dapat memulangkan barang yang dicuri itu kepada tuannya.

Akhirnya golongan yang ketiga ialah golongan hamba raja. Mereka terdiri daripada orang yang melakukan kesalahan lalu tertangkap dan mereka telah

¹⁸⁴ Ibid.

¹⁸⁵ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 66.

¹⁸⁶ Muhammad Yusoff Hashim, **Kesultanan Melayu Melaka**, op. cit., hal. 296-297.

¹⁸⁷ Ibid., hal. 120.

mendapat pengampunan daripada raja. Mereka juga dikatakan memiliki kedudukan istimewa dalam masyarakat dan terlindung dari sebarang bentuk kezaliman. Undang-Undang Melaka ada menyebut bahawa sekiranya sesiapa yang didapati membunuh hamba raja akan dijatuhi hukuman yang berat. Hamba raja wanita akan digelar dayang-dayang. Kadangkala dayang-dayang ini dijadikan gundik raja. Sekiranya gundik raja melahirkan anak maka anak tersebut akan menduduki kelas kerabat dengan memakai gelaran raja.

Secara keseluruhannya, penulis dapat merumuskan bahawa peranan serta sumbangan rakyat jelata juga sangat penting dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Mereka merupakan pemangkin dan penyumbang ke arah mengerakkan sistem pemerintahan itu sendiri. Dengan wujudnya golongan ini, kerja-kerja pelaksanaan seperti yang telah dirancangkan oleh pembesar negara dapat dilaksanakan dengan mudah kerana sumbangan tenaga kemanusiaan yang boleh didapati secara mudah tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak.

3.7. PENUTUP

Hasil daripada analisis yang telah dibuat, ingin penulis merumuskan bahawa sistem pemerintahan yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka merupakan satu sistem yang ideal. Ia mencakupi keseluruhan struktur organisasi yang mempunyai peranan serta tanggungjawab yang tersendiri. Bermula daripada raja atau sultan sebagai pemerintah tertinggi, kemudian diikuti oleh para pembesar yang menjalankan urusan pentadbiran dan akhirnya golongan orang

biasa dan hamba yang masing-masing berfungsi sebagai penjana dan penggerak untuk memajukan negara. Kesemuanya mempunyai peranan sama ada di dalam sektor ekonomi, politik, kemasyarakatan dan sebagainya.

Idealnya, sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dengan lebih jelas apabila Melaka pada ketika itu telah mempunyai sistem perundangannya yang tersendiri. Ia digubal dengan tujuan untuk memelihara kemaslahatan hidup masyarakat khususnya golongan bawahan dari unsur penindasan dan kezaliman golongan yang lebih tinggi pangkat dan kedudukannya. Kaedah pentadbiran yang telah dibuat oleh Kerajaan Melayu Melaka telah menunjukkan bukti sehingga berjaya menjadi sebuah empayar yang dihormati serta digeruni oleh pihak kawan dan lawan.

Pada pandangan penulis, bukti-bukti yang dinyatakan di atas jelas menggambarkan kepada kita bahawa sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah sebuah sistem yang bercirikan ajaran Islam. Hal ini dapat kita lihat bermula dari raja yang bertindak sebagai ketua negara (*khalifah*). Seterusnya para pembesar adalah merupakan menteri (*wazir*) untuk mentadbir kerajaan dan golongan rakyat yang menjadi aset penting untuk mewujudkan sesebuah kerajaan. Bukti paling nyata yang menunjukkan bahawa Kerajaan Melayu Melaka itu adalah kerajaan yang berunsurkan Islam ialah sistem perundangan yang

digubal (Hukum Kanun Melaka) adalah berpandukan al-Qur'an dan *al-Amr bi al-Ma'rūf wa al-Nahi 'an al-Munkar*.¹⁸⁸

Akhirnya, setelah dibuat analisis terhadap konsep kesultanan di dalam manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* dan juga sistem Kesultanan Melayu Melaka, maka pada perbincangan yang seterusnya, penulis akan mengemukakan analisis perbandingan untuk memperlihatkan pengaruh Islam menerusi konsep kesultanan yang diketengahkan oleh manuskrip *Nasīhat al-Mulūk* dengan realiti yang berlaku dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka.

¹⁸⁸ Liaw Yock Fang (ed.), op. cit., hal. 70. Lihat juga Jayaudin Jamaudin dan Ruziatul Adibah, op. cit., hal. 310-315. Lihat juga Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*, Kuala Lumpur; Bahagian Hal Ehwal Islam dengan izin al-Rahmaniah, 1992, hal. 148.